

Jilid IV
Bil. 5



Hari Jumaat
21hb April, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 401]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 433]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 450]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHOO CHING HWA, K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.
Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.
Penolong Penyunting: P. B. Menon.
Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Puan Ng Chong Kin.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 21hb April, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

JALAN-JALAN DI MAJLIS TEMPATAN

1. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan :

- (a) samada beliau sedar bahawa terdapatnya kebanyakan jalan-jalan kampung di kawasan-kawasan Majlis Kerajaan Tempatan termasuk kampung-kampung baru sentiasa dalam keadaan yang buruk dan menyedihkan oleh sebab pihak berkuasa yang berkenaan tidak mendapat peruntukan yang cukup daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang menyebabkan kekurangan hasil negara seperti getah, kelapa, kelapa sawit dan kayu-kayan yang kesemuanya adalah datang daripada kawasan luar bandar; dan
- (b) jika sedar samada beliau bercadang untuk memastikan supaya jalan-jalan kampung dan kampung-kampung baru juga akan mendapat peruntukan tahunan daripada Kementeriannya sepertimana jalan-jalan Negeri (State Roads) dan jalan-jalan Persekutuan (Federal Roads).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah tidak benar anggapan Yang Berhormat itu yang menyatakan bahawa kebanyakan jalan-jalan di Majlis Kerajaan Tempatan termasuk kampung-

kampung baru sentiasa dalam keadaan buruk dan menyedihkan. Saya sentiasa melawat ke kampung-kampung baru dan sentiasa berusaha untuk membaiki kemudahan infrastruktur di kampung-kampung baru termasuklah membaiki jalan-jalan. Dalam tahun 1977 sahaja Kementerian saya telah membelanjakan lebih dari \$1.5 juta untuk membina, membaiki dan mengetar jalan di 170 buah kampung-kampung baru dan kampung-kampung tradisi di persekitaran kampung-kampung baru.

- (b) Saya tidaklah bercadang untuk mengadakan suatu peruntukan khusus untuk membaiki jalan sahaja kerana peruntukan yang diberikan tiap-tiap tahun kepada Kementerian saya ialah untuk beberapa projek kecil seperti membaiki jalan, membaiki parit, membina gelanggang badminton, bola keranjang (sepak takraw), membaiki balairaya, membina pagar di bangunan-bangunan awam dan lain-lain lagi. Kelulusan peruntukan untuk melaksanakan projek-projek kecil ini diberikan berdasarkan kepada "felt-needs" penduduk-penduduk kampung berkenaan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi, saya ingin tahu adakah Kementerian ini sedar bahawa keburukan-keburukan di kampung-kampung baru di Majlis Tempatan itu ada lebih buruk lagi kedudukan kampung orang Melayu yang di ulu-ulu. Tidakkah boleh Kementerian ini mengemukakan kepada pihak yang berkenaan supaya dapat diseimbangkan macam mana kemudahan asas yang dapat di kampung baru di Majlis Tempatan supaya dapat dinikmati oleh kampung Melayu yang di ulu-ulu sana.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Kalau Ahli Yang Berhormat itu menentukan perkara yang tertentu, bolehlah diambil perhatian, sebagaimana yang saya telah jawab tadi saya sentiasa melawat. Dalam lawatan-lawatan itu kita sebagaimana saya katakan tadi, berdasarkan kepada "felt-needs" setengah-setengahnya itu tidak ada leadership untuk menjalankannya. Kebanyakan yang Kementerian saya luluskan itu ialah secara gotong-royong.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar iaitu sebuah kampung baru dalam kawasan Ipoh Municipality yang dinamakan Gunung Rapat yang sekarang ini telahpun didirikan rumah-rumah baru masih lagi di dalam keadaan yang tidak memuaskan dan tidak ada segala-galanya.

Soalan yang kedua, dahulu saya telah bangkitkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini, tetapi jawapan daripada Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa siasatan akan dibuat dan akan dibentangkan kepada Kabinet. Adakah siasatan terhadap semua kampung baru yang ada dalam kawasan pekan-pekan telah siap dan dibentangkan kepada Kerajaan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi iaitu ada sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai masalah-masalah kampung-kampung baru. Tetapi masalahnya kita sekarang ini melaksanakannya di tempat yang tertentu sebagai projek printis (pilot project). Beberapa orang kakitangan dan orang-orang yang terpaksa menduduki tempat-tempat itu hendak dilaksanakan. Kalau tidak sampai lagi ke tempat itu, insya Allah, saya rasa perkara itu saya ambil perhatian dan saya akan mengambil tindakan pada masa yang akan datang.

GELARAN "TUN"/"TAN SRI"— BILANGAN

2. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlahnya seperti berikut:

- (a) gelaran Tun diberi kepada warganegara-warganegara Malaysia dan orang asing;

(b) gelaran Tan Sri diberi kepada warganegara-warganegara Malaysia dan orang asing; dan

(c) adakah gelaran Tun dan Tan Sri dihadkan jumlahnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, jumlah gelaran Tun dan Tan Sri dan had jumlahnya adalah seperti berikut:

(a) Gelaran Tun kepada warganegara Malaysia: S.M.N. ialah 24 orang dan S.S.M. 8 orang. Jumlah darjah Tun (Kehormat) S.M.N. kepada warganegara asing 35 dan S.S.M. 13 orang.

(b) Jumlah penerima gelaran Tan Sri (P.M.N.) kepada warganegara Malaysia ialah 71 dan penerima P.S.M. ialah seramai 92 orang. Darjah kebesaran bergelar Tan Sri (Kehormat) P.M.N. untuk warganegara asing ialah 122 dan P.S.M. (Kehormat) 61.

(c) Darjah kebesaran bergelar Tun (S.M.N.) dihadkan kepada 25 orang dan S.S.M. juga 25 orang. Darjah kebesaran Tan Sri (P.M.N.) dihadkan kepada 75 orang dan P.S.M. 100 orang. Kedua-dua had yang dijalankan hanya dikenakan kepada warganegara Malaysia sahaja.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan minatnya Ahli Yang Berhormat membuat soalan ini, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyampaikan kepada pihak yang berkenaan supaya ianya diberikan darjah bintang, dengan keadaan ini mudah-mudahan beliau akan dapat (*Tepuk*).

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memberi penghargaan kepada rakyat dan pihak-pihak yang taat-setia kepada negara.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya iaitu pada pendapat saya gelaran Tun ini ialah gelaran yang paling tertinggi mengikut sejarah tanah-air kita semenjak merdeka, jadi diberikan kepada orang yang paling berjasa.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu darjah ini sekarang sudah sampai kepada puncak 24—hadnya 25—yakni satu sahaja lagi. Pada pendapat saya mana-mana negeri pun dalam dunia ini satu darjah yang paling tertinggi ini sangat sukar diberi kepada sesiapa juga melainkan dia telah membuat usaha yang paling dinamik kepada negara dan bersejarah daripada zaman ke zaman. Sebab itu saya suka mengemukakan kepada Dewan ini, adakah orang yang telah memperjuangkan kemerdekaan ini, menentang penjajahan yang telah bertungkus-lumus menaikkan sejarah tanahair kita ini tetapi dia telah meninggal, beliau ialah Allahyarham Dato' Onn bin Jaafar. Pemimpin besar ini tidakkah boleh dianugerahkan Tun sebab pada pendapat saya pemimpin yang paling berjasa dalam tanahair kita ini meskipun dia sudah meninggal dunia patutlah negara kita memberi gelaran Tun. Apa pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu keluar daripada soalan asal.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Ini saya mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh kemukakan lain kali.

AKTA KAWALAN PEMAJU PERUMAHAN

3. Tuan V. S. M. Vellayappa minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa, walaupun Kerajaan telah mengadakan Akta Kawalan Pemaju Perumahan, tetapi masih berlaku beberapa banyak kes-kes penipuan terhadap para pembeli rumah, dan juga ingin mengetahui berapa banyakkah kes-kes yang telah dibawa kepada pendakwaan pengadilan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah terlalu luas untuk membolehkan saya memberi jawapan yang tepat. Saya tidak tahu apakah sebenarnya atau khasnya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sebagai kes-kes penipuan.

Sebilangan pembeli-pembeli rumah menganggap bahawa mereka telah ditipu oleh pemaju yang berkenaan apabila terdapat

kerusakan-kerusakan dalam rumah-rumah mereka atau apabila kerja-kerja pembinaan tidak mengikut penentuan-penentuan yang telah dipersetujui. Seperti yang saya telah terangkan pada 17-4-78, aduan-aduan seperti itu adalah dirujuk kepada pemaju yang berkenaan untuk pembaikan dan pembetulan dan disusuli sehingga kerja-kerja tersebut selesai.

Adalah juga mereka yang memikirkan bahawa kelewatan menyediakan rumah dalam tempoh yang telah dijanjikan, kelewatan memulakan pembinaan setelah wang tempahan dikutip atau kelewatan menyerahkan suratan hakmilik merupakan sejenis penipuan. Kementerian saya menyiasat aduan-aduan seperti ini dan memberi nasihat atau memberi perakuan tentang langkah-langkah yang harus diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Saya suka menegaskan bahawa aduan-aduan seperti ini melibatkan pada biasanya, pertikaian-pertikaian di antara pemaju dan pembeli di atas obligasi-obligasi kontrak, yang pada akhirnya harus diselesaikan di mahkamah. Bagaimanapun, Kementerian boleh dan dapat memainkan peranan yang penting dengan menjalankan tugas-tugas perantaraan di antara pihak-pihak yang terlibat supaya sebarang pertikaian diselesaikan secara perundingan atau tolak ansur. Aduan-aduan ini juga membolehkan Kementerian melihat secara keseluruhannya tentang sejauh mana pihak pemaju menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam menjalankan urusan perumahan. Tindakan-tindakan pentadbiran boleh diambil terhadap pemaju tersebut jika difikirkan perlu.

Kementerian hanya boleh membawa ke mahkamah kes-kes di mana pemaju yang berkenaan telah melanggar peruntukan-peruntukan Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1966 dan Kaedah-kaedahnya, seperti menjalankan urusan perumahan tanpa mempunyai lesen, mengiklankan dan mengutip wang tempahan tanpa permit iklan dan melanggar syarat-syarat yang dikenakan dalam lesen. Dalam bulan-bulan yang lalu ini, dan terdapat tujuh kes seperti ini. Siasatan lanjut sedang dijalankan.

Jika Ahli Yang Berhormat mengetahui tentang kes-kes penipuan atau merasa bahawa pemaju perumahan telah melakukan sesuatu yang tidak sihat, maka saya harap

beliau dapat memberi butir-butir lanjut untuk membolehkan Kementerian saya menjalankan siasatan.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi kita telah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan kekecuaan menduduki rumah-rumah yang telah siap. Adakah atau tidak satu jabatan yang khas di dalam Kementerian ini meneliti ataupun memberi kuasa sebagaimana yang dilakukan dan dijalankan di bandar-bandar yang mana apabila sesebuah rumah itu siap, mereka yang hendak menduduki rumah itu mestilah mendapat satu sijil kelulusan (Certificate of Fitness) menentukan rumah itu, adalah baik dan betul sebagaimana dikehendaki di dalam pelan. Adakah atau tidak Kementerian Perumahan mengadakan satu jabatan seumpama itu bagi menyasiat tiap-tiap rumah yang telah dibina di atas perbelanjaan Kementerian Perumahan mendapat kelulusan lebih dahulu supaya dapat mengelakkan segala rintihan-rintihan yang baru-baru ini kita dengar?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya tiap-tiap bulan Kementerian saya menerima aduan-aduan lebih kurang 50 kes-kes yang seumpama itu. Boleh dikatakan kebanyakan daripada kes-kes itu telah diselesaikan dengan baik. Sebagaimana saya telah katakan tadi iaitu tolak ansur di antara pemaju perumahan dengan pembeli rumah. Berkenaan badan khas dan sebagainya, Kementerian saya mempunyai cukup pegawai-pegawai bagi menyelesaikan masalah-masalah yang timbul sebagaimana saya telah jawab.

SETINGGAN

4. Tuan Yap Peng minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa masalah setinggalan masih berterusan dan samada beliau akan membuka rancangan-rancangan untuk menempatkan semula mereka ini. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa masalah setinggalan masih berterusan terutama sekali di bandar-bandar yang besar

dan perkara ini adalah satu perkara yang sulit bukan sahaja dari segi praktik tetapi juga dari segi ekonomi dan masyarakat. Cara-cara mengatasi masalah ini adalah berbeza dari satu bandar ke satu bandar. Di beberapa negeri setinggalan-setinggalan telahpun membuat permohonan untuk tanah dan kelulusan telah diberi kepada mereka. Di Wilayah Persekutuan pun setinggalan-setinggalan ada peluang untuk memohon untuk tanah. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dengan kerjasama pihak pemaju-pemaju perumahan, telah membina rumah-rumah harga murah dan rumah-rumah pangsa untuk menempatkan semula setinggalan-setinggalan ini.

KONVOKESYEN UNIVERSITI TEKNOLOJI—PAKAIAN

5. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa di Konvokesyen Universiti Teknologi yang baru lepas, graduan bukan Melayu dikehendaki memakai pakaian Melayu;
- (b) mengapa kehendak ini tidak dihentikan oleh Kementerian itu; dan
- (c) samada Menteri itu boleh memberi jaminan bahawa peristiwa yang malang itu, yang melanggar hak-hak berbilang kaum kita dan mungkin akan menimbulkan salah faham tidak akan timbul lagi.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a) saya sedar.

Untuk menjawab soalan (b) dan (c) saya akan mengkaji perkara ini dan berhubung dengan pihak Universiti Teknologi Malaysia dalam hal tersebut.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa berlakunya pemulauan graduan-graduan yang bukan Melayu pada hari Konvokesyen di Universiti Teknologi itu adakah ianya dihasut oleh ahli-ahli politik?

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, samada pemulauan itu dihasut oleh ahli politik atau tidak, saya tidak sedar, tetapi saya sedar bahawa bangkangan-bangkangan tentang penggunaan baju

graduan yang bercorak kemelayuan itu saya sedar dan akan mengkaji mengenai perkara ini.

Raja Dato' Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, semalam apabila Yang Berhormat Tuan Michael Wong Kuan Lee itu membuat ucapan terasa sejuk hati saya, terasa minum air sejuk tak ada apa yang tidak baik. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian Dewan berdasarkan pengalaman saya semasa saya bersekolah di negeri China, semasa konvokesyen saya pakai pakaian kebangsaan China. Kalau saya di negeri Jepun saya pakai pakaian kebangsaan Jepun pula masa konvokesyen. Ertinya, saya kena ikut di mana tempat saya berada, di situlah kita mesti ikut aturan. Jadi di sini, Tuan Yang di-Pertua, yang pelik sekali apa sebabnya kita pakai coat dan tie? Itu bukan pakaian kebangsaan Malaysia. Itu pakaian orang Inggeris atau orang Eropah. Jadi, saya hendak bertanya Timbalan Menteri berkenaan adakah salah pakaian kebangsaan itu sehingga hendak dikaji?

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang memang tidak salah bahkan kita dapati Menteri-menteri yang bukan Islam memakai songkok apabila dalam suatu perayaan umpamanya, tetapi kita mengkaji supaya issue sensitif tidak akan timbul apabila kita menggunakan pakaian seperti ini.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ada yang hendak dikemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan berhubung dengan soal ini. Pertama sekali, pakaian Melayu yang dimaksudkan itu mengikut faham saya ialah pakaian samping dan selindang. Kalau pakaian itu dianggap sebagai pakaian Melayu, saya rasa sekarang ini pakaian samping ini telah menjadi pakaian kebangsaan. Jadi buktinya, Tuan Yang di-Pertua, kenapakah dalam perayaan-perayaan rasmi, ahli-ahli kebesaran kita yang menerima gelaran "Datuk" dikehendaki memakai uniform samping. Jadi ini tidakkah merupakan satu pakaian kebangsaan. Kalau ini menjadi pakaian kebangsaan, kenapakah rakyat kaum lain rasa tidak senang dengan pakaian seperti ini? Jadi itulah maksud pertanyaan saya, adakah pakaian kebangsaan Melayu tidak dianggap sebagai pakaian kebangsaan Malaysia kita?

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itu soalan lain. Bagaimanapun pakaian kebangsaan ini seperti mana yang kita nampak adalah pakaian kebangsaan, tetapi di universiti itu bukan pakaian kebangsaan, itu hanya pakaian gown untuk siswazah-siswazah apabila menerima sesuatu ijazah, tetapi dalam masa kita mengadakan perayaan, kita tentukan pakaian yang tertentu digunakan. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini akan diserahkan kepada Kementerian dan Kementerian akan mengkaji supaya masalah ini tidak akan timbul lagi.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika pendapat Timbalan Menteri bahawa pakaian itu tidak salah di sisi undang-undang, saya suka bertanya apakah halangan bagi Kerajaan menggalakkan universiti mengadakan pakaian sedemikian, kerana pakaian itu hanya dipakai pada masa konvokesyen sahaja dan bukan dipakai hari-hari, serupa juga seperti yang disebutkan tadi pakaian yang telah dianggap sungguhpun asalnya pakaian Melayu, tetapi telah dianggap sebagai pakaian negara yang dipakai oleh rakyat Malaysia seperti songkok atau pakaian Melayu oleh Duta-duta kita di luar negeri itu telah menjadi pakaian yang diterima. Jadi saya suka bertanya, kalau tidak salah di sisi undang-undang apakah halangannya bagi Kerajaan menggalakkan universiti mengadakan pakaian peribadi sendiri untuk konvokesyen?

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang ada perkara yang tidak salah dari segi undang-undang tetapi kita terpaksa menghormati dari segi kebudayaan masing-masing. Jadi kita mengkajinya supaya sesuai dengan kebudayaan berbilang kaum dalam negara ini. Ini adalah cara kita dan dalam undang-undang pun ada terkandung bahawa kita akan menghormati kebudayaan lain.

Tuan Michael Wong Kuan Lee: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita dengar rakan-rakan kita mengatakan pakaian Melayu ialah pakaian kebangsaan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa bilakah dan oleh siapakah perkara ini sudah dibuat keputusan—keputusan ialah pakaian Melayu sudah menjadi pakaian kebangsaan?

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada mengatakan pakaian Melayu itu pakaian kebangsaan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu menerima pandangan saya bahawa apa yang dibuat oleh Universiti Teknologi Malaysia berhubung dengan pakaian pada hari konvokesyen tersebut ialah sebagai hendak mengajak rakyat negeri ini menerima kebudayaan dari segi pakaian, maka dengan itu dibentuk pakaian berupa seperti itu. Tidakkah molek bagi rakyat Malaysia menerima pakaian seumpama itu dan pakaian Melayu itu dijadikan teras pakaian rasmi dalam negara ini ialah pakaian Melayu. Tidakkah boleh satu ketika kelak Kementerian ini membuat peraturan kalau sekiranya ada pelajar-pelajar yang tidak sanggup menerima peraturan memasuki universiti itu patutlah ditolak kerana mereka tak mahu menerima kebudayaan anak negeri supaya diamalkan?

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah, saya akan mengkajinya.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengekor soalan tambahan yang saya buat kepada Timbalan Menteri tadi dan jawapan yang diberinya yang menyatakan di sisi undang-undang tidak salah tetapi kita terpaksa menjaga kebudayaan rakyat negara kita ini. Saya suka bertanya jika ada graduan-graduan itu hendak memakai dhoti ataupun cheongsam secara pakaian lamanya atau tidak berpakaian langsung atau pakai selipar getah sahaja, adakah itu hendak digalakkan? Saya rasa ini menjadi pakaian perasmian yang diterima oleh sesuatu institusi dan patutlah kita hormati. Kalau kita hendak benarkan apa jenis pakaian boleh dipakai, saya rasa itu tak kena pada tempatnya. Setuju atau tidak?

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, masalah untuk mengkaji di sini bukan bererti kita membenarkan penuntut yang keluar hendak menerima ijazah universiti menggunakan pakaian apa yang mereka suka. Kita mengkaji untuk mententeramkan keadaan supaya tidak ada golongan tertentu mengemukakan sungutan-sungutan hanya terhadap pakaian yang kita gunakan

di universiti. Itu bukan soal pokok, soal pokok ialah untuk mententeramkan. Itu soal pokok dan bukan soal pakaian.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu perkara itu akan dikaji oleh Kementeriannya sedangkan pakaian pada hari Convocation itu telahpun dibuat oleh pihak Universiti Teknologi Malaysia melalui siberan am, melalui talivisyen dan radio, bahkan pakaian yang dicadangkan oleh UTM itu, Kementerian tidak ada apa-apa bantahan. Apabila datang soalan ini baharu berbangkit semula berulang, ertinya Kementerian Pelajaran sendiri tidak bersama-sama bertanggungjawab dengan UTM. Tuan Yang di-Pertua, pakaian pada hari itu baju hitam, samping hitam, seluar hitam dan orang yang bukan Melayu pakai songkok tetapi orang keturunan Sikh pakai turbannya. Adakah pakaian begitu, mengikut soalan ini, menyentuh hati kaum-kaum?

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju Yang Berhormat mengatakan bahawa Kementerian Pelajaran tidak bertanggungjawab mengenai masalah penggunaan pakaian Melayu di Universiti Teknologi Malaysia. Sebenarnya mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat sendiri penggunaan pakaian itu telahpun diterangkan oleh pihak Kementerian dan pihak Universiti kepada orang ramai tetapi masalahnya apabila masa menggunakan timbul pula ada orang-orang tidak suka menggunakannya. Jadi, kalau lebih awal orang ramai mengatakan mereka tidak bersetuju dengan penggunaan pakaian itu, mungkin kajian dibuat lebih awal. Jadi apabila masalah timbul, kita mengkaji kemudian supaya masalah ini tidak akan timbul di masa-masa akan datang.

PEKERJA INDIA DI BANK

6. Tuan M. Mahalingam (*di bawah S. O. 23 (2)*) bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat jika beliau berpuashati mengenai pengambilan pekerja-pekerja keturunan India di Bank-bank di Semenanjung Malaysia di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya berpuashati di atas sambutan yang diberi oleh pihak

bank-bank pada keseluruhannya terhadap dasar Kerajaan mengenai perimbangan kaum dalam pekerjaan, termasuk juga mengenai pengambilan pekerja-pekerja dari keturunan India. Walau bagaimanapun saya ingin menegaskan bahawa ada beberapa buah bank-bank yang tertentu di mana pengambilan pekerja keturunan India dan juga Bumiputra masih lagi tidak memuaskan dari segi jumlah pengambilan dan juga penyertaan mereka dalam jawatan-jawatan yang tertinggi. Dari pada perangkaan yang diperolehi, pada 31hb Disember, 1972, bank-bank perdagangan di seluruh negara telah menggaji seramai 919 rakyat Malaysia keturunan India. Dari jumlah ini 82 orang diambil kerja di peringkat pengurusan dan eksekutif, 317 sebagai kerani dan 520 orang sebagai pekerja rendah dan buruh kasar. Jumlah pekerja-pekerja keturunan India dalam bank-bank perdagangan telah meningkat kepada 1,697 orang pada 31hb Januari, 1978 iaitu selepas 6 tahun. Ini merupakan 9.4% dari jumlah pekerja-pekerja di dalam perusahaan bank di negara kita. Dari jumlah ini seramai 300 orang pekerja di peringkat pengurusan dan eksekutif, 777 sebagai kerani dan 620 di peringkat rendah dan buruh kasar.

Dalam tempoh 31hb Disember, 1972 hingga 31hb Januari, 1978 sebanyak 9.6% dari jumlah pengambilan pegawai pengurusan dan eksekutif adalah terdiri dari keturunan India sementara dalam pengambilan pekerja pekerjaan jumlah kaum India merupakan 10.5% dan bagi pengambilan pekerja-pekerja rendah dan buruh kasar 16.3% darinya terdiri dari kaum India.

Kementerian saya akan terus menasihati dan menggesa mereka yang terlibat supaya mematuhi dasar Kerajaan mengenai perimbangan pekerja supaya matlamat Kerajaan dalam perkara ini dapat tercapai dengan seberapa cepat yang boleh dan dengan sepenuh-penuhnya.

PINJAMAN DARI JEPUN UNTUK RMT

7. Datuk Haji Abu Bakar Titingan minta Perdana Menteri menyatakan dalam pinjaman yang diberi oleh Jepun untuk membiayai projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga berapa banyakkah akan diuntukkan kepada Sabah bagi maksud pertanian dan perikanan.

Menteri Tak Berpottfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, di dalam perundingan di antara Malaysia dengan Jepun, maka kedua-dua Negara ber-setuju bahawa Pinjaman Yen ialah untuk membiayai projek infrastruktur di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Oleh yang demikian pinjaman tersebut akan digunakan untuk projek-projek pertanian dan perikanan samada di Semenanjung atau di Sabah.

PERKHIDMATAN TELEFON

8. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) memandangkan bahawa Kementerian ini telah menyediakan peruntukan yang besar bagi mengadakan satu perkhidmatan telefon yang baik, tetapi orang ramai masih bersungut tentang ketidakcekapan perkhidmatan tersebut oleh kerana mereka terpaksa menunggu lama untuk mendapat telefon mengapakah berlaku kelewatan ini dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) adakah beliau sedar tentang kerosakan telefon yang mengambil masa yang lama untuk diperbaiki sehingga kadangkadang sampai lebih dari seminggu, dan jika ya, apakah tindakan yang telah di ambil dalam hal ini.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Jabatan Telekom telah menerima peruntukan sebanyak \$1,080 juta. Dengan peruntukan ini adalah dijangka Jabatan Telekom akan dapat menghasilkan tambahan 149,439 talian telefon iaitu menemui 42.9% dari jumlah semua permintaan telefon sekarang.

Dalam dua tahun permulaan Rancangan Malaysia Ketiga, Jabatan Telekom telah dapat memasang sejumlah 76,050 talian telefon iaitu 33,952 dalam tahun 1976 dan 42,098 dalam tahun 1977. Jumlah ini adalah kira-kira 50% dari bilangan talian-talian telefon yang dijangka dapat di pasang oleh Jabatan Telekom dengan peruntukan tersebut.

Akan tetapi permohonan untuk perkhidmatan telefon kian bertambah dengan pesatnya melebihi kadar pemasangan sekarang. Sebagai contoh, bilangan permohonan-permohonan baru yang telah diterima dalam

tahun 1976 berjumlah 61,287 dan dalam tahun 1977 pula berjumlah 72,366. Dalam kajian semula peruntukan bagi Jabatan Telekom di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Jabatan Telekom telah dibenarkan membelanjakan berlebihan (over-commit) sebanyak \$1,310 juta daripada peruntukan yang diluluskan di atas. Akan tetapi perlu saya nyatakan di sini bahawa peruntukan tambahan ini bukanlah bererti masalah permintaan perkhidmatan telefon dapat diatasi dengan segera. Masa adalah dikehendaki untuk merancang semula projek-projek telekom bagi mengadakan lebih banyak lagi muatan ibusawat telefon dan talian-talian pelanggan yang hendak disiapkan sebelum perkhidmatan telefon dapat diberikan. Dengan peruntukan yang sedia ada ini, Jabatan Telekom boleh membina loji muatan yang lebih besar lagi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga supaya muatan yang cukup diperolehi untuk menemui keperluan kemudiannya.

Jabatan Telekom juga masih lagi kekurangan kakitangan. Sungguhpun tambahan tenaga kakitangan telah diluluskan lewat tahun 1977, proses pengambilan dan melatih kakitangan tambahan ini memakan masa sebelum mereka dapat menghasilkan sesuatu kerja yang berkesan. Untuk mengatasi masalah kekurangan kakitangan ini, Jabatan Telekom sedang menggunakan kontraktor-kontraktor swasta untuk membuat kerja-kerja yang difikirkan sesuai seperti menanam dan menyambung kebel-kebel telefon dan memasang alat-alat ibusawat telefon yang baru. Dengan cara ini Jabatan Telekom dapat menyiapkan lebih banyak lagi projek-projeknya dalam masa yang ditetapkan. Selain daripada itu, Jabatan Telekom juga sentiasa mengkaji cara-cara yang sesuai supaya pembangunan projek-projeknya dapat dilaksanakan dengan cepat untuk memberi perkhidmatan telefon dengan segera.

(b) Saya sedar tentang kelewatan membaiki telefon-telefon yang rosak. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, Jabatan Telekom masih lagi kekurangan kakitangan dan proses pengambilan dan melatih kakitangan tambahan ini sedang dijalankan. Dengan adanya tambahan kakitangan ini adalah diharapkan Jabatan Telekom akan dapat membaiki kerosakan-kerosakan telefon dalam kadar yang lebih cepat.

Untuk memberi perkhidmatan kepada penunggu-penunggu telefon dan mengurangkan kesesakan di ibusawat-ibusawat telefon, ibusawat-ibusawat baru sedang digunakan. Dalam proses penukaran pelanggan-pelanggan ke ibusawat telefon yang baru ini, ada berlaku kerosakan-kerosakan kepada beberapa talian-talian telefon pelanggan. Jabatan Telekom sedang mengambil perhatian terhadap perkara ini dan tindakan yang lebih teliti di ambil untuk memastikan supaya bilangan kerosakan-kerosakan seperti ini berkurangan.

INSTITIUT TADBIRAN NEGARA (INTAN)

9. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan berkaitan dengan Institiut Tadbiran Negara (INTAN):

- (a) samada latihan yang diberi oleh INTAN mempunyai hubungan dengan masalah-masalah merancang dasar dan projek, pelaksanaan projek-projek ini dan penilaian projek-projek itu dalam agensi-agensi Kerajaan dan INTAN hendaklah memberi perhatian yang lebih kepada melatih agensi-agensi ini secara terkumpul dan bukan kepada seorang individu; dan
- (b) samada sudah sampai masanya bagi INTAN untuk mengubahsuai cara latihan kepada sesuatu yang lebih dinamik iaitu sudah sampai Pegawai-pegawai Tadbir dan ahli-ahli politik, supaya mereka boleh menggunakan latihan ini dalam bidang yang lebih luas serta lebih bermakna.

Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua,

(a) INTAN atau Institiut Tadbiran Awam Negara adalah ditubuhkan oleh Kerajaan dalam bulan September 1972 bagi tujuan menyediakan latihan-latihan untuk semua lapisan pegawai Kerajaan bagi memperlicinkan pembangunan negara. Falsafah INTAN ialah "Latihan untuk Pembangunan".

Dengan ini segala latihan yang dijalankan oleh INTAN adalah mempunyai perhubungan yang rapat dengan masalah-masalah pembangunan. Di antara kursus-kursus yang

mempunyai perhubungan secara langsung dengan perancangan dasar-dasar dan projek-projek pembangunan ialah kursus-kursus:

- (i) Perancangan dan Pengurusan Projek;
- (ii) Perancangan dan Pembangunan Sosial;
- (iii) Kursus-kursus Pembangunan Pertanian dan Tanah;
- (iv) Kursus-kursus Analisa Dasar; dan
- (v) Kursus-kursus mengenai perbadanan awam.

Semenjak tahun 1973 sehingga bulan April tahun ini seramai 781 pegawai-pegawai Kerajaan dan pegawai-pegawai perbadanan awam telah diberi latihan dalam bidang-bidang berkenaan.

Latihan-latihan ini adalah disediakan berasaskan kepada maklumat-maklumat penyelidikan-penyelidikan dan makluman-balas-makluman-balas mengenai masalah-masalah Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Penilaian adalah dijalankan pada akhir tiap-tiap kursus yang dijalankan oleh INTAN bagi menentukan sejauh mana objektif kursus itu tercapai dan sejauh mana isi kandungan kursus itu menemui keperluan pegawai-pegawai yang mengikutinya. Di samping itu kajian-kajian tertentu sentiasa dijalankan terhadap Kementerian-kementerian dan projek-projek Kerajaan yang dilaksanakan. Ini adalah sebagai "input" kepada kursus-kursus yang perlu dirancangan. Ini bermakna bahawa kursus-kursus yang diadakan adalah sentiasa diubahsuai mengikut masalah-masalah yang dihadapi.

Mengenai soalan bahawa INTAN hendaklah memberi perhatian yang lebih kepada melatih agensi-agensi Kerajaan secara berkumpulan dan bukan kepada seseorang individu, ini memanglah juga sedang dilaksanakan oleh INTAN. Beberapa teknik latihan telah dicuba untuk tujuan ini seperti "Latihan Bertindak" (Action Training) di mana semua pegawai-pegawai termasuk juga Ahli-ahli Parlimen dan Wakil-wakil Rakyat di dalam sesuatu daerah diberi latihan dengan secara berkumpulan. Selain daripada itu, latihan khas bagi sesuatu jabatan pada keseluruhannya dijalankan, seperti latihan yang diberi kepada pegawai-pegawai Kementerian Buruh, RISDA, Kementerian Pela-

jaran, Lembaga Perancang Keluarga, MARA, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor dan sebagainya.

(b) Buat masa ini INTAN sedang mengalami kekurangan kemudahan-kemudahan dari segi bilik darjah, tempat tinggal dan kemudahan-kemudahan lain. Ini bermakna bahawa INTAN tidak dapat memenuhi segala keperluan jabatan-jabatan Kerajaan untuk melatih pegawai-pegawainya. Pada umumnya INTAN hanya dapat memilih lebih kurang 50% sahaja pegawai-pegawai yang telah memohon untuk menyertai kursus-kursus. Berasaskan kepada masalah ini INTAN tidaklah dapat melatih ahli-ahli politik bersama-sama dengan pegawai-pegawai Kerajaan kerana sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum, ramai lagi pegawai-pegawai Kerajaan yang masih belum lagi menerima sebarang latihan.

Walau bagaimanapun, INTAN sedia dan memang bercadang pada masa lepas untuk menganjurkan kursus-kursus pendek khas bagi Ahli-ahli Parlimen dan Wakil-wakil Rakyat yang lain.

Namun demikian INTAN telahpun menggunakan strategi latihan bertindak sebagai usaha melatih semua pegawai-pegawai dan ahli-ahli politik yang terlibat dalam usaha-usaha pembangunan sesuatu daerah. Latihan ini yang telah juga melibatkan ahli-ahli politik telah di'alankan dalam tiga daerah, iaitu daerah Machang, Kuala Selangor dan Nibong Tebal.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam latihan-latihan yang telah diberikan melalui pusat INTAN ini, saya ingin mendapat tahu dapatkah Kementerian ini membuat satu dasar iaitu tiap-tiap pegawai Kerajaan yang baru hendak berkhidmat dengan Kerajaan sayugia diberikan latihan dalam pusat ini terlebih dahulu.

Yang kedua, adakah benar bahawa pusat INTAN ini akan diluaskan kepada tiap-tiap negeri dalam Malaysia ini termasuk Sabah dan Sarawak?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah bayangkan tadi dalam jawapan saya itu kedua-dua cadangan itu memang adalah dalam perhatian Kerajaan dan akan dipertimbangkan dari semasa ke semasa.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dari penerangan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyentuh INTAN satu perkara yang saya berasa paling penting iaitu satu cabang telah mengadakan kursus Analisa Dasar. Pada pendapat saya kursus inilah yang paling penting sebab barangkali ubahsuai dengan keadaan masa dari semasa ke semasa. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi keterangan sedikit dalam Dewan ini bagaimanakah kemajuan kursus Analisa Dasar yang telah dijalankan?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, program Analisa Dasar ini sepatutnya baru dimulai dalam tahun 1978 dan pada setakat ini saya hanya dapat berikan maklumat iaitu pada setakat ini telah ada 22 orang peserta yang telah mengambil kursus ini.

Raja Dato' Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah di dalam INTAN ini diajar pegawai-pegawai ini berkenaan dengan perhubungan rapat di antara penduduk-penduduk, rakyat dengan pegawai-pegawai kerana ini yang penting sekali di dalam pembangunan Rancangan Malaysia Ketiga. Adakah diajar betul-betul oleh kerana kadang-kadang kalau berjumpa terutama sekali pegawai-pegawai di luar-luar bandar, kalau rakyat hendak berjumpa mereka, lebih senang berjumpa Tuhan daripada berjumpa dengan pegawai. Boleh atau tidak pegawai-pegawai ini senang ditemui oleh rakyat?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, memanglah itu hasrat Kerajaan dan juga dalam kursus yang dijalankan oleh INTAN itu supaya satu daripada hasilnya ialah supaya pegawai-pegawai kita mendapat peluang ataupun cara yang lebih baik untuk mendampingi dengan rakyat kita dan ini pun telah dijalankan juga di mana-mana yang boleh melalui latihan bersama pegawai-pegawai dengan ahli-ahli politik kita.

RANCANGAN BUKU HIJAU

10. Dato' Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana kejayaan revolusi rancangan Buku Hijau yang telah dilancarkan selama ini, dan adakah Kerajaan sedar beberapa faktor yang menyebabkan rancangan itu gagal di setengah-

setengah negeri tidak dapat diterima oleh petani dan jika ya, adakah Kerajaan sedia membuat kajian supaya negara dapat menikmati pelaksanaan rancangan ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Buku Hijau (RBH) mula dilancarkan dalam tahun 1974 bagi peringkat pertama dan Julai 1976 bagi peringkat yang kedua. Sehingga April, 1977, rancangan ini meliputi 70 daerah di Semenanjung Malaysia dengan melibatkan kawasan tanah berjumlah 21,352 ekar. Sebenarnya Kerajaan telah menjalankan satu kajian bagi menilai kemajuan dan meneliti masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan RBH. Kajian itu telah menunjukkan bahawa rancangan itu telahpun dapat memberikan beberapa faedah kepada masyarakat luar bandar, sungguhpun masih banyak masalah-masalah yang dihadapi bagi menjadikannya satu rancangan yang lebih berjaya. Antara faedah-faedah yang telah didapati oleh masyarakat luar bandar dari rancangan itu termasuklah penambahan pendapatan mereka dengan penggunaan tanah-tanah yang pada masa dahulu tinggal terbiar sahaja. Ada bukti yang menunjukkan bahawa pendapat mereka yang menyertai RBH telah meningkat lebih dari \$200 sebulan sungguhpun penambahan pendapatan sebenarnya tidaklah semestinya bergantung kepada rancangan itu sahaja.

Faedah-faedah yang lain termasuklah peningkatan hasil pengeluaran pertanian, penggunaan teknik pertanian yang lebih moden, penggunaan masa yang lebih berhasil akibat dari penglibatan dalam usaha-usaha RBH itu dan juga penjimatan belanja untuk membeli sayur-sayuran kerana dengan adanya rancangan itu banyak petani-petani yang telah dapat menanam sayur-sayuran untuk diri mereka sendiri. Satu faedah lain yang sangat menggalakkan ialah bahawa melalui rancangan itu petani-petani akan menjadi lebih yakin tentang kemampuan pertanian untuk memberikan hasil yang lumayan dan melalui rancangan itu mereka telah dapat menggunakan khidmat berbagai-bagai agensi Kerajaan secara yang disatukan.

Sungguhpun demikian masih ada masalah-masalah yang dihadapi dan masih memerlukan pembaikan. Selain daripada masalah pasaran tempatan dan juga musim kemarau yang menimpa negara kita, sikap

masyarakat luar bandar sendiri dari segi kesediaan mereka memberi perhatian dan usaha-usaha yang penuh terhadap rancangan itu supaya pertanian dapat dijalankan sebagai satu aktiviti perniagaan (commercial) yang betul-betul dapat memberi keuntungan. Ini memerlukan supaya hasil usaha mereka dapat disalurkan melalui satu sistem pasaran yang moden bagi mendapat keuntungan yang optima. Kerajaan sedang berusaha untuk memperbaiki keadaan ini melalui peringkat keduanya yang sedang berjalan di masa ini. Kerajaan yakin bahawa rancangan ini telah dan akan terus membawakan faedah-faedah yang baik kepada masyarakat luar bandar.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sangat gembira mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa 20,000 ekar lebih tanah telah dijadikan kawasan Rancangan Buku Hijau tetapi sedarkah Yang Berhormat Menteri ini bahawa beberapa kesulitan dan kegagalan yang telah menimpa petani-petani kita di dalam rancangan ini.

Di dalam masalah menilai dan mengkaji semula usaha hendak mengadakan rancangan yang kedua bolehkah atau tidak Yang Berhormat Menteri ini meningkatkan cadangan dan perhatian saya supaya kawasan pertanian yang tidak sesuai ditanam sayur itu dibolehkan menanam tanaman-tanaman makanan yang ada kaitannya dengan ekonomi seperti tanaman koko, limau dan sebagainya pada masa depan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan tadi sungguhpun Kerajaan anggap perancangan Buku Hijau ini telah mencapai matlamat-matlamat dari segi kejayaan itu akan tetapi masih ada masalah-masalah yang dihadapi dan masih memerlukan pembaikan. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan dicatitkan dan dikaji bersama-sama dengan Kementerian Pertanian.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berbangkit kepada revolusi Buku Hijau ini, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa perkara ini amat penting yang telah disalurkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Pada saat-saat Allahyarham Tun Haji Abdul Razak menjadi Perdana Menteri rancangan Buku Hijau ini berjalan dengan

lancar dan berkesan. Tetapi pada pendapat saya pada saat-saat kemudian ini, rancangan ini adalah sebenarnya telah mundur.

Oleh yang demikian, bolehkah diyakinkan oleh Yang Berhormat Menteri supaya mengambil tindakan seluruh Pegawai-pegawai Daerah di tanah air kita ini digerakkan kembali supaya meningkatkan rancangan Revolusi Buku Hijau supaya seluruh rakyat mendapat menafaat yang sebenarnya. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daerah-daerah di tanahair kita sekarang matlamat ini sudahpun berkurangan. Dengan sebab itu saya yakin Yang Berhormat Menteri dapat menugaskan balik seluruh Pegawai Daerah di tanahair kita ini mengambil inisiatif yang tegas dan nekad bagi kepentingan negara kita.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah mengemukakan cadangan yang baik itu dan saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sebenarnya rancangan ini telah dijalankan begitu lama dengan memperolehi kejayaan yang besar. Misalnya dalam negeri Kelantan, Trengganu, Perlis dan Kedah. Dan Kerajaan akan sentiasa terus mencari jalan untuk menaikkan minat petani-petani kita di dalam menambahkan pengeluaran hasil pertanian seperti mengadakan rancangan amalan makanan dan pemakanan yang dengan tidak secara langsung mengembangkan kempen Rancangan Buku Hijau itu. Di atas cadangan supaya Tuan Pegawai Daerah kita diarah dan diminta supaya rancangan ini dipesatkan lagi, Jabatan Perdana Menteri memanglah akan mencatatkan untuk mengambil segala langkah yang sesuai.

Raja Dato' Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi dua orang Ahli-ahli telah menyatakan Yang Berhormat bahawa Rancangan Buku Hijau ini lebih kurang telah gagal, walaupun Menteri kata tidak gagal, tidak mengapalah. Pada pendapat saya tanaman-tanaman yang ditanam pada hari ini seperti buah tembikai menimbun-nimbun tidak dapat dijual oleh kerana tidak ada pasaran. Sedangkan ini yang selalu digalakkan supaya ditanam oleh petani jenis-jenis tanaman yang senang mendapat hasil seperti tembikai ini. Oleh itu, boleh atau tidak pada masa yang akan datang Kerajaan terpaksa berfikir mencari pasaran

untuk rakyat ini, tentulah pihak Jabatan Pertanian telah menyiasat bahawa ada satu jenis tanaman yang datangnya dari Paraguay dinamakan Sevia. Sevia ini mengeluarkan gula yang mengandungi 3-4 kali ganda kandungan gula dan lebih banyak daripada tebu yang mana boleh dan sesuai untuk ditanam di dalam negeri kita. Ini memang ada pasarannya.

Daun keringnya sahaja, kalau dihaluskan 3 kali ganda banyak kandungan gulanya. Oleh sebab itu bolehkah perkara ini disiasat betul-betul supaya tiap-tiap petani yang menanam tanaman-tanaman ini akan mendapat hasil yang betul-betul mendatangkan menafaat kepada mereka.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kempen Rancangan Buku Hijau peringkat yang kedua yang sedang dijalankan ini memanglah terkandung juga penyiasatan di atas semua implikasi-implikasi dari segi pemasaran berkesan dan cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian supaya disiasat juga.

FREEMASON

11. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada benar bahawa Pejabat Hal Ehwal Ugama Islam telah menjalankan siasatan ke atas kedudukan dan perjalanan pertubuhan Freemason sebagai yang telah dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan beliau sedang menunggu laporan sejauh mana salahnya pergerakan tersebut menurut Ugama Islam;
- (b) kiranya siasatan telah dibuat, mengapa keputusannya tidak diumumkan; dan
- (c) jika tiada siasatan dibuat, mengapa, dan samada Jabatan Hal Ehwal Ugama di Jabatan Perdana Menteri tidak sedar bahawa banyak orang kenamaan yang menjadi anggota Freemason.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu:

- (a) Memang benar Pusat Islam telah menjalankan penyiasatan di atas pertubuhan Freemason ini oleh sebuah Jawatan-

kuasa Khas yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

- (b) Hasil penyelidikan dan penyiasatan itu telahpun siap disusun dan laporan akhirnya akan dikemukakan kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam persidangan-persidangan yang akan datang.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan bila laporan yang lengkap itu akan disiarkan kepada umum?

Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Jawatankuasa Khas ini dilantik oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, maka sebelum diumumkan kepada masyarakat kenalah kembalikan dahulu kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Dan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia sekiranya menerima prosesnya adalah mengikut peraturan iaitu akan dipersembahkan pula kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan mungkin akan diserahkan kepada Majlis Fatwa, maka Majlis Fatwa itulah kelak yang akan menghibahkan fatwanya.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab Wilayah ini duduknya di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dari segi ugama Islam, tidakkah kuatkuasa itu boleh dilaksanakan umpamanya Nasrul Haq cuma memberi fatwa kepada orang lain, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memang ada hak di Wilayah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Melaka, begitu juga perkara yang hendak saya kemukakan sekarang ini. Bolehkah perkara Freemason ini kelak jangan berlaku seperti Nasrul Haq cuma memberi pandangan sahaja, terpulang kepada negeri-negeri sedangkan Wilayah ini ialah kuasa keagamaannya dalam kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi bolehkah kita gunakan kuatkuasa apabila sesuatu fatwa itu kita zahirkan?

Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya jelaskan tadi masalah Freemason adalah masalah yang telah dibangkitkan oleh masyarakat, maka Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia sendiri telah membincangkan masalah ini dan dengan sebab itu diarahkan dan dilantik sebuah Jawatankuasa khusus membuat kajian bukan sahaja menyiasat dan mengkaji, ini ialah perkara hal ehwal dalam negeri kerana pertubuhan ini adalah pertubuhan international yang terpaksa juga kita hantarkan keluar negeri seperti Republik Arab Mesir, Saudi Arabia dan lain-lain bagi mendapat laporan-laporan khusus. Maka setelah laporan-laporan khusus itu didapati Jawatankuasa ini akan membuat rumusan dan akan dikembalikan kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam. Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kelak akan mempersembahkan kepada Majlis Raja-raja Melayu. Majlis Raja-raja Melayu meliputi wakilnya seperti mana kita faham kerana kuasa Hal Ehwal Ugama ini ialah kuasa Duli Yang Maha Mulia Raja-raja yang ada di negeri-negeri akan dipersembahkan kepada Majlis Raja-raja dan Majlis Raja-raja itulah akan membuat ketetapan samada hendak diserahkan kepada Majlis Fatwa dan sekiranya Majlis Fatwa Kebangsaan itu dapat dirumuskan maka siaran serentak seluruh Malaysia akan dapat diumumkan.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan:

- (a) saya ingin tahu kenapakah sampai begitu lama tidak dapat disampaikan;
- (b) sedangkan perkara ini sedang hangat kita perbincangkan di dalam persidangan Dewan yang sudah;
- (c) tidakkah perkara ini dipandang berat sekali dan adakah perkara ini dianggap suatu muslihat, maka sebab itu dilambatkan-lambatkan.

Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, suatu kajian yang menyeluruh tidaklah dapat dibuat dengan cara tergopoh-gapah terutama sekali masalah-masalah yang ada kenamengena dengan pertubuhan international dan masalah kajian ini mestilah diadakan kajian yang teliti dari semua aspek. Kita tidak ada muslihat apapun selain daripada tujuan membuat kajian dan mengumumkan

keadaan itu kepada masyarakat bukan sahaja masyarakat Islam, tetapi juga masyarakat diseluruh negara kita di atas keputusan ketetapan yang diambil dari hasil kajian-kajian yang teliti dan mendalam yang kita adakan sekarang ini.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan beritahu Dewan ini samada Freemason itu adakah sebuah badan (society), club atau sebaliknya, sebab kita tidak tahu arah ke mana yang didapati di belakang Freemason ini saya tidak tahu. Adakah ia sebuah Religious Club, Social Club atau Society Club, kerana kita tahu macam-macam society ada dalam Malaysia ini.

Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Ahli Yang Berhormat itu menunggu keputusan yang akan diumumkan kelak supaya mengetahui samada ianya sebuah pertubuhan international, sebuah club ataupun sebuah pertubuhan berdaftar. Di dalam negara kita ini badan ini adalah sebagai sebuah pertubuhan berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 19 adalah diberi di bawah ini.)

LANUN/PEROMPAK MENJEJASKAN NELAYAN

12. Tuan Ahli bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa nelayan-nelayan di Perlis dan Pulau Langkawi, yang keluar mencari ikan ke laut dalam, sentiasa terdedah kepada lanun-lanun dan perompak-perompak yang datang dari luar perairan Malaysia. Jika ya, apakah tindakan yang sedang dan akan di ambil oleh Kementerian ini bagi mengawal keselamatan dan menjamin penangkapan ikan serta harta-benda nelayan-nelayan terselamat dari rompakan-rompakan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Sedar. Dalam tahun 1975 tujuh kejadian rompakan telah berlaku. Tetapi bagi tahun 1976 dan 1977 tiada kejadian seumpama ini dilaporkan.

Jabatan Perikanan akan terus bekerjasama dengan Polis Laut dan Angkatan Tentera Laut Di Raja Malaysia untuk mengawasi dan menjalankan rondaan.

Kerajaan telahpun bersetuju untuk membeli empat buah Kapal terbang Khas untuk dijadikan sebahagian Polis Laut untuk menguatkan lagi kawalan perairan pantai dan melindungi nelayan-nelayan.

PEMADAM

13. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan setakat mana PEMADAM telah berjaya mengurangkan bilangan kes-kes penagih dadah dan samada beliau bercadang hendak membuat perakuan kepada Kerajaan supaya mengemukakan penalti lebih berat terhadap kesalahan mengedar dadah termasuk hukuman mati.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Adalah sukar untuk mengukur kejayaan yang dicapai oleh PEMADAM dalam usahanya mengurangkan bilangan kes-kes penagih dadah kerana kejayaan yang dicapai itu tidak dapat diukur dengan pandangan kasar. Sedikit sebanyak PEMADAM dalam usianya yang begitu muda telah mendapat kejayaan terutamanya dalam memberi kesedaran kepada orang ramai khususnya ibu bapa dan penagih-penagih dadah. Ini dibuktikan dengan bertambahnya bilangan penagih-penagih yang tampil ke hadapan untuk dirawat dan dipulih.

Adalah difikirkan bahawa hukuman-hukuman yang tersedia ada di bawah Ordinan Dadah Berbahaya Tahun 1952 itu adalah mencukupi (dari segi penguatkuasaan undang-undang) untuk keperluan negara pada masa ini. Hukuman mati atau penjara seumur hidup telah dikuatkuasakan semenjak 29hb April, 1975.

SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL

14. Datuk Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan, memandangkan bahawa 25,000 orang penuntut telah memohon 6,000 tempat di 24 buah Sekolah Vokesyenal, dan negara kita memerlukan lebih banyak lagi juruteknik-juruteknik untuk

pembangunan negara, adakah Kementerian beliau bercadang menubuhkan lebih banyak lagi Sekolah Vokesyenal di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Kementerian Pelajaran ada membuat peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk menambah lagi empat (4) buah Sekolah Menengah Vokesyenal di Semenanjung Malaysia iaitu:

- | | |
|---|----------------------------|
| 1. Di Tanjong Malim, Perak | Ketukangan dan Perdagangan |
| 2. Di Kuala Pilah, Negeri Sembilan | Ketukangan dan Perdagangan |
| 3. Di Machang, Kelantan ... | Pertanian |
| 4. Di Johor Bahru | Perdagangan |

Pembinaan bangunan sekolah-sekolah ini dijangka siap dalam tahun 1981/82 dan akan menempatkan lebih kurang 2,000 orang murid.

ANGKATAN TENTERA—TEMPOH PERKHIDMATAN

15. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pertahanan menyatakan samada bolehkah seseorang tentera itu diberi peluang untuk berkhidmat terus di dalam Angkatan Tentera Darat, Udara dan Laut sehingga umurnya 50 tahun dan barulah bersara. Sebagaimana yang dimaklumkan apabila seseorang yang berkhidmat di dalam Angkatan Tentera, ia dikehendaki menandatangani kontrak untuk sesekian tempoh, misalnya untuk tempoh 10 tahun. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun Malaysia memerlukan Angkatan Tenteranya yang cukup berpengalaman dan berpengetahuan dan tempoh yang dihadkan sekarang ini akan membawa kerugian kepada negara yang masih memerlukan tenaga perkhidmatan mereka.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Mengikut Peraturan yang dijalankan sekarang tempoh perkhidmatan anggota-anggota lain-lain pangkat dalam Angkatan Tentera adalah seperti berikut:

- (a) 12 tahun atau 10 tahun dan 2 tahun dalam simpanan
- (b) 15 tahun
- (c) 18 tahun
- (d) 21 tahun

Tempoh perkhidmatan ini memang diaturkan sedemikian rupa oleh sebab Angkatan Tentera memerlukan tenaga muda apabila mereka adalah cergas dan kuat. Anggota-anggota ini hanya boleh mula berkhidmat dengan Angkatan Tentera antara umur 18 dan 23 tahun. Jadi bila mereka tamat tempoh perkhidmatan pertama iaitu 12 tahun, umur mereka adalah di antara 30 dan 35 tahun. Walaupun demikian peluang diberi kepada mereka untuk menyambung perkhidmatan hingga ke 21 tahun supaya membolehkan mereka menerima pencen.

Adalah memang menjadi hasrat Angkatan Tentera untuk mengekalkan anggota-anggota yang cukup berpengalaman dan pengetahuan soal ketenteraan, tetapi perlu juga diingat bahawa untuk tujuan-tujuan operasi Angkatan Tentera berkehendakan tenaga yang kuat dan cergas untuk menjalani tugas-tugas operasi. Had umur bawah 45 tahun adalah dirasakan masih boleh membuat tugas-tugas tersebut. Tetapi yang melebihi umur 45 tahun ke atas adalah dirasakan telah berkurangan kecergasan dan tenaga dan ini akan menimbulkan masalah bukan sahaja kepada Angkatan Tentera tetapi juga kepada anggota-anggota berkenaan sendiri.

Walaupun begitu dalam bahagian-bahagian yang tertentu ada anggota-anggota yang telah melebihi umur bersara dilanjutkan tempoh perkhidmatan mereka tahun ke tahun sekiranya perkhidmatan mereka diperlukan, itupun di atas permohonan anggota-anggota berkenaan sendiri.

ANOMALI TANGGAGAJI KAKITANGAN PARLIMEN

16. Tuan V. S. M. Vellayappa minta Perdana Menteri menyatakan samada Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen masih ujud lagi dan jika ya, samada permohonan atau rayuan-rayuan yang dikemukakan oleh kakitangan Parlimen mengenai anomali-anomali dalam tanggagaji Jawatankuasa Kabinet telah dipertimbangkan dan dibereskan dengan puashati kepada pihak kakitangan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen yang diwujudkan di bawah Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 masih lagi ujud hingga sekarang. Bagaimanapun ianya tidak mempunyai kuasa untuk menimbang sebarang

rayuan dan memorandum yang dikemukakan oleh kakitangan Parlimen mengenai anomali-anomali dalam tanggagaji Jawatankuasa Kabinet. Sebaliknya sebarang rayuan dan memorandum berkenaan anomali-anomali tersebut hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perundingan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Setakat ini Bahagian Perundingan, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menerima sembilan memoranda daripada kakitangan Parlimen melalui Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Parlimen Malaysia mengenai anomali dalam tanggagaji Jawatankuasa Kabinet. Kesemua memoranda dari Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Parlimen itu diterima pada 3hb Mac 1978. Rayuan-rayuan tersebut sedang di dalam kajian Bahagian Perundingan untuk menentukan samada ada kes anomali seperti yang dimaksudkan oleh perenggan 2 Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 atau tidak. Jika ada anomali terhadap tuntutan itu maka perundingan akan dijalankan untuk mendapatkan penyelesaian yang sewajarnya.

KAWALAN DI LAPANGAN TERBANG

17. Datuk Haji Abu Bakar Titingan minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau akan mengetatkan lagi kawalan keselamatan di lapangan terbang-lapangan terbang di negara ini seperti mengesahkan bahawa nama penumpang di dalam tiket penerbangannya serupa dengan nama pasportnya dan jika tidak, mengapa.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Penerbangan Awam sentiasa mengkaji dari masa ke semasa keadaan kawalan keselamatan di lapangan terbang-lapangan terbang di negara ini. Pada masa ini Jabatan tersebut sedang mengambil tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang positif untuk memperketatkan lagi kawalan keselamatan di lapangan terbang. Ini termasuklah rancangan-rancangan Jabatan itu untuk mengadakan Perkhidmatan Keselamatannya sendiri untuk mengawal keselamatan lapangan terbang di bahagian udara di semua lapangan terbang-lapangan terbang yang berjadual dan melengkapkan alat-alat pengesanan yang moden bagi pemeriksaan ke atas beg-beg dan penumpang-penumpang yang hendak menaiki kapal terbang. Disamping itu

Jabatan Penerbangan Awam dan Sistem Penerbangan Malaysia sedang mengkaji cara-cara yang praktikal bagi memastikan bahawa penumpang-penumpang yang menaiki sesebuah kapal terbang itu adalah penumpang yang sebenarnya.

CONCORDE—HASIL PERUNDINGAN MALAYSIA/BRITAIN

18. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah hasil perundingan Malaysia dengan Britain yang disambung semula mengenai penerbangan Concorde diruang angkasa Malaysia. Adakah benar bahawa Malaysia lebih terpengaruh dengan nasihat Kerajaan Singapura supaya dapat membenarkan lalulintas itu dan ada apakah tindak-balas Kerajaan Britain atau Syarikat Penerbangan Britain terhadap Malaysia.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Pertanyaan mulut yang mempunyai maksud yang sama berkenaan dengan perkara perundingan penerbangan Concorde diruang angkasa Malaysia telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Hajjah Fatimah binti Haji Salim pada 19-4-78 dan jawapannya telah diberikan di dalam Dewan yang mulia ini pada tarikh tersebut. Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat merujuk kepada jawapan tersebut.

Mengenai bahagian kedua soalan ini, Kerajaan Malaysia memutuskan satu-satu masalah berasaskan atas kepentingan negara

dan rakyat Malaysia dan tidak terpengaruh oleh mana-mana pihak. Soalan tindakbalas tidak timbul dalam perkara ini sebab rundingan akan diteruskan.

RANCANGAN RADIO/TV

19. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah waktu siaran melalui Radio dan TV yang diuntukkan bagi Hal Ehwal Ekonomi, Pelajaran, Kebudayaan, Sukan, wanita, Berita, Ugama Islam, Iklan-iklan dan lain-lain di semua stesyen pemancar di Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timor.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Othman bin Abdullah): Oleh kerana pecahan jenis rancangan yang ditanya oleh Yang Berhormat itu agak sulit dibuat maka jawapan-jawapannya dapat diberi menurut jenis rancangan yang biasa dibuat oleh RTM.

Tambahan pula setengah-setengah rancangan yang ditanya oleh Yang Berhormat itu terdapat di dalam dua tiga perkhidmatan RTM. Umpamanya rancangan ekonomi boleh terdapat dalam rancangan Pembangunan/Pertanian, rancangan Hal Ehwal Awam, Berita/Peristiwa malah dalam rancangan-rancangan Ugama. Oleh yang demikian rancangan-rancangan RTM dalam masa satu minggu itu adalah seperti berikut:

1. RADIO

Bahagian	Semenanjung			Sabah		Sarawak	
	jam	minit	saat	jam	minit	jam	minit
(a) Hiburan	55	05	—	12	55	—	—
(b) Drama	18	12	—	—	—	32	55
(c) Hal Ehwal Awam	55	45	—	174	10	50	42
(d) Pembangunan dan Pertanian ..	37	44	—	8	35	34	02
(e) Persembahan	304	39	—	143	56	168	02
(f) Ugama dan Dakwah	51	35	—	11	53	22	05
(g) Berita	66	55	—	30	25	81	40
(h) Iklan	17	36	30	1	40	2	13
(i) Radio Pendidikan	36	00	—	20	00	—	—
JUMLAH ..	733	31	30	403	34	391	39

2. TELEVISYEN

<i>Bahagian</i>	<i>Semenanjung Malaysia</i>		<i>Sabah dan Sarawak</i>	
	<i>Rangkaian Pertama dan Rangkaian Kedua</i>		<i>Rangkaian Ketiga</i>	
	<i>jam</i>	<i>minit</i>	<i>jam</i>	<i>minit</i>
(a) Hiburan	8	00		36
(b) Hal Ehwal Awam	4	10	2	30
(c) Pembangunan dan Pertanian	1	00		20
(d) Ugama dan Dakwah	4	10	—	—
(e) Berita	19	20	1	45
(f) Iklan	5	30	—	18
(g) TV Pendidikan	35	00	25	00
(h) Lain-lain	61	50	14	20
JUMLAH ..	139	00	44	50

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA
D.Y.M.M. TIMBALAN YANG
DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keempat.” (20hb April, 1978).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mendapat tahu ada beberapa orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul ini, oleh itu saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat itu tolong berdiri.

Ada 20 orang Ahli semuanya. Masa yang diuntukkan ialah hari ini dan hari Isnin. Masa yang ada lebih kurang 320 minit. Jadi

saya kira 16 minit untuk seorang berucap, walau bagaimanapun dimintalah Ahli-ahli Yang Berhormat meringkaskan ucapan dengan seberapa ringkas yang boleh, jikalau tidak, kita kena melanjutkan persidangan malam ini dan hari Isnin malam Selasa.

Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diminta kalau boleh menghadkan ucapan di dalam 16-20 minit. Jikalau tidak, kita kena melanjutkan tempoh hingga larut malam. Di-harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan bekerjasama.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dato' Seri Hussein bin Mohd. Nordin menyambung ucapannya.

3.40 ptg.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, menyambung perbahasan saya di atas Titah Di Raja yang telah ditamatkan waktu perbahasan pada hari kelmarin, saya suka mengulang balik sokongan penuh saya kepada pelancaran Yayasan Pelaburan Bumiputra yang diuntukkan sebanyak \$200 juta.

Pada hemat saya langkah Kerajaan yang melancarkan Yayasan ini adalah bijak dan patut dialu-alukan oleh bumiputra sekalian. Tetapi dalam pada itu saya suka mengingatkan kepada Kerajaan tampil mengambil semua saham yang ditawarkan kepada bumiputra melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang saham-saham itu telahpun bertimbun nilainya sebanyak beratus-ratus juta ringgit yang tidak diambil atau dibeli

oleh syarikat-syarikat bumiputra. Syarikat-syarikat bumiputra dengan bersungguh-sungguh menjawab seruan Kerajaan sampai tampil ke depan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga dengan mengambil inisiatif dan usaha di dalam pembangunan negara ini.

Saya percaya hingga sekarang juga banyak syarikat bumiputra dalam semua bidang telah ditubuhkan. Dalam pada itu berilah peluang kepada syarikat-syarikat ini yang berharap-harap dan baru pijak di dalam dunia perniagaan dan perusahaan diberi kesempatan supaya saham-saham yang diuntukkan kepada bumiputra ini ditawarkan kepada syarikat-syarikat permodalan yang kecil-kecil, supaya syarikat ini dapat membeli saham-saham yang diuntukkan kepada bumiputra. Mana syarikat-syarikat bumiputra yang tidak dapat mengambilnya oleh sebab-sebab tertentu itu, patutlah diambil oleh Kerajaan sebagai mewakili bumiputra. Tetapi yang kita tahu \$200 juta ini adalah besar. Jikalau Kerajaan beli saham-saham yang ditawarkan kepada bumiputra dan Kerajaan juga mengambil bahagian dalam bidang ini, Kerajaan hendaklah juga mendesak kepada syarikat-syarikat ini melantik seorang wakil Kerajaan duduk di dalam Lembaga Pengarah syarikat-syarikat ini. Wakil-wakil Kerajaan itu bolehlah dilantik daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang ada kemahiran dalam perkara-perkara yang tertentu. Jikalau wakil-wakil Kerajaan pula banyak tugas hendak menjalankan usaha Rancangan Malaysia Ketiga ini berilah kepada swasta daripada bumiputra tetapi swasta daripada bumiputra janganlah sekali-kali mengambil orang yang telah overloaded dengan menduduki di dalam Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang lain. Berilah peluang ini kepada semua bumiputra yang ada di dalam usaha mengembangkan perniagaan bumiputra. Itulah yang saya hendak ingatkan kepada Kerajaan.

Saya telah membaca kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan hari ini dalam surat-khabar bahasa Inggeris, mula-mulanya saya hendak bercakap panjang samada dapat keizinan daripada Tuan Yang di-Pertua ataupun tidak sebab saya tidak faham apa yang saya bangkitkan daripada soal-jawab kelmarin kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan soal perumahan ini. Tetapi jawapannya tidak tepat. Kenya-

taan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan dalam surat-khabar hari ini adalah baik, memberi satu kenyataan yang betul. Kita yakin Kerajaan akan mencapainya sebagaimana di dalam Buku Hijau Rancangan Malaysia Ketiga. Tetapi apa yang saya hendak ingatkan kepada Kementerian ialah sedang Kerajaan bersungguh-sungguh dengan ikhlas dan berhati-hati, jangan ada exploitasi daripada golongan tertentu untuk mendapat keuntungan dengan cepat iaitu memberi untung kepada private developer. Satu-satu orang pemaju perumahan ini dikehendaki ada lesen, permit, tanah, lay-out plan barulah Kementerian luluskan dan mesti ada capital sebanyak \$250,000 untuk rancangan rumah murah, tetapi jikalau rumah mahal, mahallah pula paid-up capitalnya. Tetapi apa yang saya dapat tahu kebanyakan pemaju-pemaju perumahan ini mengambil kesempatan dan mendapat segala yang dikehendaki oleh Kerajaan ini iaitu mengiklankan dalam surat-khabar supaya menyebut penempahan dengan memberi deposit \$1,000 atau lebih. Jadi ramailah pemohon tetapi duit ini disimpan di dalam bank dan bank yang akan memberi faedah daripada fixed deposit walaupun 3 bulan dapat faedah, walaupun 6 bulan dapat faedah, walaupun 9 bulan dapat faedah walaupun setahun faedahnya lebih tinggi. Kadang-kadang bank beri lebih daripada 7%. Tetapi, apabila sudah dapat faedah-faedah ini dikembalikan duit dengan borang-borang ini mengatakan permohonan tidak diterima tanpa memberi apa-apa sebab. Sungguhpun Kerajaan ada membuat panduan ini, Menteri menyatakan pergi repot ke Polis stesyen tetapi siapa hendak repot ke Polis Stesyen duduk berjam-jam kena soal-jawab dengan \$1,000 hendak siasat-siapa? Saya sendiri tidak mahu duduk di situ setengah jam hendak kena soal jawab dengan polis. Sesiapa yang telah merepot hilang kereta dan sebagainya kepada polis, tahulah hal keadaan bila hendak buat repot. Ini ialah kewajipan Menteri, jikalau dapat aduan atau rayuan semacam ini mesti dirujuk kepada BSN. Tetapi apa pula BSN telah buat atas penyelenggaraan rumah yang didirikan oleh Yayasan Pelajaran MARA. Adakah penyiasatan ini telah "complete" atau baru hendak berjalan? Ini yang kita mahu tahu. Jikalau perkara ini tidak diambil tindakan dengan segera, dan jikalau tidak ada "book" orang ini, maka perkara ini akan menjadi-jadi di dalam negara kita. Jadi, siapa yang akan mendapat

kesusahan? Tentulah rakyat jelata yang tidak tahu. Ini jawapan daripada Menteri, tentulah kita tidak dapat hendak meminta contoh yang spesifik dalam Dewan ini. Jikalau kita hendak beri contoh yang spesifik, boleh. Saya sudah bercakap hari ini dan saya boleh beri contoh yang spesifik, tetapi syaratnya Kementerian itu tulis kepada saya, bukan saya tulis kepada Kementerian.

Baru-baru ini seperti yang kita tahu, kita berasa rugi sebab kita ini ialah daripada "part and parcel of the Government" sebagai Senator dan saya bercakap ini mengenai Keretapi Tanah Melayu yang dapat accident dekat ibukota hari ini yang kita baca dalam kenyataan suratkhbar iaitu akan merugikan berjuta-juta ringgit, bahkan \$4 juta atas collision yang berlaku melibatkan dua buah kepala keretapi itu. Pengurus Besarnya mengatakan ini dipercayai ialah perbuatan anasir jahat kerana barangkali ada orang yang tertentu yang tidak mahu melihat Keretapi Tanah Melayu mendapat keuntungan yang banyak. Tetapi saya berseru di Dewan ini, kita mahu kenyataan daripada Kementerian Perhubungan berkenaan hal ini, mesti dijawab di dalam Dewan ini mengapa ini telah terjadi. Ini adalah satu national interest kepada semua penduduk-penduduk berkenaan perkara ini.

Sekarang saya bercakap berkenaan dengan kesihatan. Hari ini kita dapat tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan mengatakan akan menyiasat keguguran bayi tetapi bila diungkit dalam berita-berita suratkhbar, baru hendak menyiasat. Tidaklah ini telah terjadi lama daripada berita-berita dalam suratkhbar, sebab bilangannya adalah banyak. Ada kata 3,000 di Kelantan, ada dikatakan 1,000 lebih di Cameron Highlands dan ada yang mengatakan banyak di Kedah dan Perlis dan di lain-lain tempat, mungkin di Ibukota Kuala Lumpur ini juga banyak berlaku. Tetapi kita tahu ini adalah satu perkara jenayah yang susah diminta ampun dalam segi apa juga walaupun segi undang-undang ataupun dalam segi ugama. Dalam segi ugama kita tidak ada undang-undang iaitu abortion adalah halal. Di England ibu-ibu dan siapa juga yang hendak membuat pengguguran pergi kepada pakar-pakar dan doktor-doktor. Tetapi saya percaya orang-orang yang membuat abortion ini tentulah melakukannya di dalam gelap. Jikalau di kampung, siapa yang akan menjalankannya, tentulah mak bidan. Jikalau dalam pekan,

siapa yang menjalankannya, tentulah doktor-doktor. Mengapa kita tidak ada selidik perkara ini? Sekarang ini barulah Menteri yang berkenaan memberi akuan akan siasat atas perkara ini.

Begitu juga berkenaan dengan taun yang telah merebak di dalam negara kita. Sebagaimana yang kita tahu taun (cholera) ini adalah penyakit yang merbahaya. Kita tahu di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Shah Alam sampai ke Kelang sudah banyak fektori-fektori didirikan. Mengapa Kementerian tidak memberi arahan kepada fektori-fektori itu supaya memberi injection kepada kakitangan dalam fektori itu untuk mengelakkan penyakit. Saya ingat tidak susah bagi fektori-fektori ataupun kilang-kilang ini menjalankan operasi menyuntik semua kakitangan fektori-fektori itu. Tetapi mengapa arahan tidak diberi? Sebab kita tidak tahu siapa yang menjadi carrier. Carrier ini mesti report kepada kelinik atau hospital baru kita tahu siapa jadi carriernya. Tetapi kalau orang itu dapat penyakit, duduk diam sahaja, saya ingat penyakit ini akan berjangkit apabila dia berjalan dan duduk di tempat-tempat orang ramai.

Berkenaan dengan Perusahaan Pelancungan Negara (TDC) saya mengucapkan tahniah kepada TDC yang telah menganjurkan supaya menggalakkan lebih ramai pelancung datang ke negeri kita. Saya mengucapkan tahniah atas usaha ini. Tetapi TDC ini hendaklah juga mengusahakan pelancungan di dalam negeri iaitu di antara satu negeri ke satu negeri (within the country). Pengusaha-pengusaha pelancungan telah banyak ditubuhkan di merata-rata negeri untuk mendapatkan pelancung-pelancung yang datang daripada negeri-negeri dalam Malaysia ini melihat kecantikan, kemajuan dan segala-galanya sambil berihat di waktu cuti. Tetapi saya dapat tahu hal ini di dalam suratkhbar hari ini melainkan *Straits Times*, akhbar yang terbesar sekali next to the *Straits Times Group* adalah *Utusan Melayu*, bilangan pembaca dan juga per readershipnya sudah steady. Tetapi mengapa TDC ini berikan iklannya kepada suratkhbar yang circulationnya 13 ribu, bulat-bulat beri kepadanya dengan per readership sampai 40,000 tidak sampai di Kuala Lumpur, tidak sampai di ceruk-rantau Malaysia ini. Perjalanan apa ini?

Apa motif di belakang yang dibuat oleh PTM iaitu subsidy company of TDC. Ini soalnya iaitu salah memberi pengetahuan kepada orang ramai melalui jalan yang salah atau tidak betul. Jika *Straits Times* dengan *Utusan Melayu* atau *Nanyang* pembacanya dalam satu hari jika ada iklan ialah berjumlah 3 juta per readership satu hari, tetapi ini diberi kepada suratkhbar (tabloid) yang tidak ada circulation yang tertentu. Ini saya minta pihak Kementerian yang berkenaan menyiasat, mengapa. Serupa juga MAS memberi iklannya kepada suratkhbar ini untuk memberi tahu kepada 40,000 orang di Malaysia ini. Kita tidak. Itulah sebabnya dalam ucapan saya pada mula-mula membahaskan Titah Ucapan Di-Raja ini saya ada menyebut tentang fair distribution of wealth bukanlah saya irihati tetapi jika hendak bercakap berkenaan fairness itulah satu contoh tidak ada fairness dalam distribution of wealth itu. Banyak perkara saya hendak bercakap berkenaan iklan dan berkenaan distribution of wealth dalam Malaysia ini, tentulah ramai yang akan tersinggung, banyak terpijak kakinya. Oleh sebab itu biarlah saya pergi kepada perkara lain iaitu saya juga bersama-sama dengan rakan saya mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Ketua Parti Barisan Nasional yang baru-baru ini dapat memberitahu kepada rakyat Kelantan supaya ambil peluang pembangunan ini iaitu berilah mandate kepada Barisan Nasional dan juga BERJASA. Saya harap jangan marah jikalau ada Senator PAS di sini. Saya sudah bercakap di dalam kita membahaskan Rang Undang-undang Darurat Kelantan, saya sudah memujuk ahli-ahli PAS supaya balik ke pangkal jalan dan jika tidak mahu ke pangkal jalan hendaklah keluar daripada Barisan Nasional secara gentleman.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein:
Sudah keluar!

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin:
Alhamdulillah, sudah keluar. Saya telah katakan jangan keluar dengan gopoh-gapah. Fikir betul-betul, fikiran rakyat sekarang telah berlainan. Dengan adanya semua kemudahan yang diberi oleh Kerajaan di negeri-negeri lain tentulah rakyat Kelantan hendak juga merasa seperti rakyat yang duduk di tempat lain. Tak mahu juga, jadi itulah saya fikir saya juga hendak mengucapkan tahniah bukan kerana kemenangan kepada rakyat Kelantan supaya menimbang di mana ideoloji

Islam berkehendakkan pembangunan sebab orang Islam ini kita tahu apa yang wajib kita buat mengikut hukum Islam lima perkara, tak payah, di mana-mana pun ada. Saya ucapkan syabas kepada Datuk Mohamed Nasir, Ketua BERJASA. Alhamdulillah, Tuhan telah menyalahi orang yang benar.

Di dalam menggulung ucapan saya—saya hendak bercakap sedikit sahaja—saya percaya Malaysia sekarang sudah maju dan makmur dan bersatu-padu. Inilah usaha-usaha yang kita buat semasa kita membangunkan negara kita ini, sekarang wujudlah rakyat yang sudah bersatu, sudah muhibbah, muhibbah ini sudah tinggi. Oleh sebab ada orang Melayu sekarang sudah pandai makan pakai chopstick bukan chopstick untuk makan barang yang haram tetapi baru-baru ini dalam jamuan negara diberi kepada pemimpin-pemimpin Arab yang datang untuk bermesyuarat berkenaan dengan Bank Pembangunan Islam, diadakan makanan China tetapi pakai chopstick. Halal. Ini nampaknya menghormati kebudayaan satu bangsa yang besar dalam negara ini. Dahulu siapa pakai chopstick seperti Tunku Abdul Rahman pakai chopstick dikatakan kafir. Sekarang tidak. Kita nampak sudah ada muhibbah, cuba tengok apabila Hariraya Puasa, dan Hariraya China dan juga Hariraya India dan apa juga hari kita tengok kad diberi kepada kawan-kawan, saya dapat banyak kad daripada kawan Tionghua dan lain-lain bangsa bertimbun-timbun berserta dengan kawan-kawan Islam menghantar kad selamat hari-raya bila Tahun Baru China saya juga menghantar kad kepada kawan-kawan China. Ini adalah satu perhubungan yang kekal daripada muhibbah ini. Ini kita mahu tetapi insya-Allah rakyat kita dalam Malaysia ini akan bersatu dan telahpun bersatu tetapi dengan adanya usaha menyatu padukan rakyat dalam Malaysia janganlah hendaknya setengah golongan mengambil kesempatan hendak memecah-belahkannya pula. Jikalau hendak pecahkan orang itu walaupun dia pemimpin Kerajaan harus mengambil tindakan segera mengikut lunas-lunas undang-undang yang ada dalam negara kita ini.

Sekianlah ucapan saya dalam perbahasan atas Titah Ucapan Diraja dan juga terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya bercakap lebih daripada setengah jam.

4.00 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya menyatakan rasa syukur Alhamdulillah atas hidayahnya saya dapat peluang menyertai perbahasan atas Ucapan Titah Diraja ini. Selain daripada itu, saya mengucapkan ber-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya dan sukalah saya menyatakan bahawa saya ikut serta menyokong usul yang dikemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin untuk mempersempah ucapan yang tidak sepatutnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, dengan ber-banyak syukur dan berterima kasih kerana ucapannya pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Keempat pada 20hb Mac, 1978 baharu-baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah keselamatan menjadi objektif utama dalam negara kita ini. Keselamatan tidak akan terjamin kalau masyarakat tidak dilengkapi dengan moral. Rancangan Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga hanya sebagai satu jalan ke arah keselamatan negara ini. Tanpa moral walaupun masyarakat ini tinggi nilai ekonominya keselamatan tidak juga akan terjamin, sebab itu, saya tekankan soal moral hendaklah diutamakan dalam semua bidang yang dikuasai oleh Kerajaan.

Bila kita menyebut keselamatan negara, akan teringat kita kepada anggota-anggota pasukan keselamatan yang berjuang dengan jiwa raganya di perbatasan, di hutan belantara, di tengah-tengah masyarakat kampung dan bandar semuanya tidak terlepas daripada semangat dan moral yang tinggi yang demikian Kerajaan hendaklah menitikberatkan nasib mereka dan juga keluarga-keluarga mereka, samada di bidang material mahupun spiritual. Di segi material anggota-anggota pasukan keselamatan kita perlu ditingkatkan pendapatan mereka dengan mengadakan kenaikan-kenaikan gaji, elaun, pangkat dan juga kemudahan-kemudahan penginapan, bekalan makanan dan pakaian yang berpatutan serta juga dengan kemudahan-kemudahan pelajaran khusus bagi anak-anak dan isteri-isteri mereka. Lebih-lebih lagi, di bidang spiritual mereka ini perlu dilengkapi dengan semangat dan fahaman yang benar-benar sesuai dengan asas-asas moral terutama sekali moral yang berasaskan Islam yang menjadi agama negara ini, kerana didi-

kan moral Islam sahajalah yang mampu menentang segala anasir komunis dan perosak-perosak keamanan negara ini. Pasukan keselamatan kita hendaklah didakwa dan dipandu supaya menjauhkan diri mereka dari segala amalan yang merosakkan moral mereka seperti menghisap dadah, minuman arak, majlis tari-menari yang mana tidak sesuai dengan keperibadian dan moral bangsa dan agama kita yang maha suci. Untuk menjamin pelaksanaannya perlulah Kementerian berkenaan mengadakan disiplin untuk ini supaya dipatuhi oleh semua peringkat anggota pasukan keselamatan kita dari setinggi-tinggi hingga ke serendah-rendah pangkat.

Tuan Yang di-Pertua, sedang kita berikhtiar dengan berbagai cara untuk menjamin keselamatan negara tiba-tiba Kerajaan Barisan Nasional hari ini masih lagi melayani anggota-anggota komunis yang telah terbukti kesalahan-kesalahannya dengan pengakuan-pengakuan mereka sendiri setelah ditahan di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri yang mana Kerajaan masih lagi mengekalkan kedudukan 2 orang Member of Parliament kita hingga hari ini dengan alasan tidak ada peraturan yang membolehkan kedudukan Datuk Abdullah Ahmad dan Abdullah Majid dilucutkan sebagai Ahli Parlimen. Ini adalah alasan-alasan yang dibuat-buat sahaja, sebab tanpa peraturan yang dimaksudkan itupun keahlian mereka boleh dilucutkan dengan tidak diberi cuti kepada mereka. Bila mereka tidak hadir persidangan dalam tempoh yang tertentu tanpa cuti, keahlian mereka dengan sendiri gugur dan hilang segala haknya. Suka saya dapat jawapan pihak Kerajaan, adakah dengan kekalnya mereka ini sebagai Ahli Dewan Rakyat, elaun sebagai Ahli Dewan Rakyat sebanyak \$1,500 tiap-tiap bulan tidak dibayar? Kalau dibayar semenjak mereka ditahan telah berapa jumlah wang rakyat dibayar kepada mereka yang menyebelahi musuh negara ini? Tuan Yang di-Pertua, memberi layanan kepada pengkhianat-pengkhianat negara yang telah bekerjasama dengan komunis yang telah mengurbankan jiwa pasukan keselamatan dan rakyat kita adalah melemahkan semangat rakyat dan pasukan keselamatan kita yang menentang komunis itu sendiri. Bahkan sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, kedaan melayani agen-agen musuh seperti ini juga boleh memberi satu galakan semangat anasir komunis itu sendiri.

Menyentuh soal pelajaran pula, saya masih berpendapat bahawa Kerajaan masih gagal dalam melaksanakan dasar pelajaran menuju ke arah matlamat membentuk masyarakat yang bersatu-padu dan bermoral bagi menjamin keselamatan negara ini. Pelaksanaan dasar pelajaran di negara ini masih lagi condong kepada sistem pelajaran barat yang memerlukan sesuatu perubahan supaya sesuai dengan suasana dan keperibadian kita sendiri. Sebagai bukti kegagalan ini, seorang pegawai di Kementerian Pelajaran sendiri iaitu Pegawai Perancang dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran telah mengakui bahawa dasar pelajaran gagal melahirkan pelajar-pelajar bermoral dan sistem pelajaran yang wujud sekarang hanya mementingkan soal keduniaan semata-mata, yang mana kedudukan matapelajaran agama Islam hanya terletak di sudut-sudut dan hanya menjadi satu matapelajaran untuk lulus dalam peperiksaan sahaja. Kebanyakan matapelajaran yang tersebut dalam sistem pelajaran sekarang tidak berlandaskan kepada moral akibat kurangnya penekanan agama diselitkan dalam sistem pelajaran menyebabkan para pelajar mudah dipengaruhi oleh gejala-gejala yang kurang sihat. Tiap-tiap ilmu yang berpisah dari didikan moral adalah ilmu yang jahat dan tidak boleh memberi kebajikan hidup kepada manusia. Berpunca dari kegagalan inilah juga kerosakan moral muda-mudi kita sekarang ini sedang menjadi-jadi di negara kita. Yang demikian, saya suka mencadangkan supaya matapelajaran agama Islam bagi pelajar-pelajar Islam dan matapelajaran tatasusila atau pelajaran moral kepada pelajar-pelajar bukan Islam hendaklah diwajibkan lulus dalam sukatan peperiksaan di semua tingkatan oleh Kementerian Pelajaran. Tanpa kelulusan matapelajaran tersebut mereka tidak akan dapat sebarang pekerjaan.

Satu daripada kejatuhan moral di kalangan masyarakat kita ialah biaknya pelacuran dengan galakan-galakan yang tertentu di kota-kota besar dalam negara kita. Saya percaya membiaknya pelacuran ini di tanah-air kita khususnya di ibukota Wilayah Persekutuan ini adalah kerana beberapa sebab yang meliputi masalah sosio-ekonomi dan politik. Keadaan-keadaan ini berlaku adalah berpunca daripada tidak adanya didikan agama dan moral yang cukup di kalangan wanita-wanita tersebut hingga mereka terlibat dalam kancah pelacuran yang mana puncanya daripada kegagalan dasar pelajaran kita untuk melahirkan pelajar-pelajar bermoral itu dan kerana desakan ekonomi yang menghimpit

menyebabkan wanita-wanita yang tidak mempunyai peluang dalam pasaran pekerjaan yang halal mendorong mereka tercedur dalam bidang pelacuran dengan modal kehormatan diri mereka sendiri. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kerana kesan penderitaan-penderitaan jiwa akibat berbagai tekanan masalah kehidupan masyarakat kita yang terlalu menekankan kepentingan material tanpa moral.

Akibatnya orang-orang yang hidup secara tradisional terdesak, terperangkap dalam keruntuhan moral yang terdedah bebas dan wujudnya golongan yang mengambil kesempatan dari kelemahan kaum wanita yang kurang mendapat tempat dalam kehidupan dan mata pencarian yang wajar samada dari golongan hartawan yang menjalankan sindikit pelacuran di sebalik lesen menganjurkan kelab-kelab malam dan sebagainya atau dari golongan gangster yang hidup atas hasil pelacuran menyebabkan pelacuran telah menjadi-jadi sekarang ini.

Saya mengesyorkan jika Kerajaan Barisan Nasional benar-benar jujur untuk menjadikan rakyat negara ini padu, kuat, bermoral dan terjamin keselamatannya, tidak ada sebab kenapa tidak mahu bertindak terhadap golongan yang menternak pelacur-pelacur itu dihukum seberat-beratnya sepertimana hukuman dikenakan kepada pengedar-pengedar dadah.

Selain daripada itu juga saya mengesyorkan pihak Kerajaan hendaklah mengadakan satu undang-undang moral berasaskan prinsip-prinsip moral dalam Islam yang dengannya sahajalah mampu membentuk masyarakat bermoral sebelum moral rakyat negara ini hancur lebur.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional sering mengatakan bahawa mereka memperjuangkan keadilan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Tetapi sejak negara kita merdeka Kerajaan telah meneruskan dasar masyarakat majmuk yang mana suatu taktik atau perangkap penjajah untuk mengekalkan segala kepentingan ekonomi dan politik mereka biarpun Malaysia telah merdeka. Sebagai sistem masyarakat majmuk ciptaan penjajah yang akhirnya memisahkan masyarakat Melayu dan bumiputra dari aktiviti ekonomi moden dengan ekonomi tradisional maka selama itulah pembentukan sebuah

masyarakat yang bersatu padu akan menem-
puh jalan buntu dan gagal di tengah jalan
untuk kita mencapai keamanan dalam negara
ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sekarang
hanya melaung-laungkan perpaduan tetapi
tidak mempunyai rancangan untuk meng-
wujudkan satu identiti kebangsaan yang
tersendiri sebagaimana negara-negara Asian
Tenggara seperti Thailand, Indonesia dan
Burma yang mana mereka telah mengwujud-
kan identiti yang benar-benar berlandaskan
inspirasi dan hasrat bumiputra mereka sendiri
yang ingin bebas dari segala belenggu sisa-
sisa penjajahan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar British dengan
tipu helahnya melalui divide and rule masih
berjalan di dalam negara kita walaupun
sudah 20 tahun kita merdeka. Kita sedar
bahawa dasar pecah belah dan perintah yang
diteruskan oleh Barisan Nasional sekarang
ini adalah bertujuan untuk mengekalkan
kuasa dan kedudukan golongan tertentu yang
mempunyai kepentingan peribadi dan puak
dalam kedudukan teraju Kerajaan sekarang
ini.

Sekiranya Kerajaan Barisan Nasional
mempunyai kewibawaan sebagai sebuah
kuasa yang bermoral hendaklah mengkaji
semua aktiviti Kerajaan dalam masyarakat
tanahair kita sekarang ini supaya berlandas-
kan inspirasi rakyat bumiputra dengan
sebenar-benarnya. Kita tidak mahu, rakyat
yang taat setianya diragu-ragukan akan meng-
hapuskan suasana keperibadian masyarakat
bumiputra yang berpegang teguh kepada
Allah dan kepada Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
sebagai Kepala Negara kita. Kita tidak mahu
suatu masa kelak negara ini akan menjadi
sebuah negara kominis atau pro-kominis dan
Baginda Yang di-Pertuan Agong akan diha-
puskan oleh golongan tersebut. Dengan sebab
itu, saya syorkan supaya Kerajaan mengada-
kan suatu identiti kebangsaan yang berasas-
kan inspirasi bumiputra yang bersesuaian
dengan identiti Islam yang menjadi ugama
negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan
Nasional yang telah diberi kuasa selama 20
tahun selepas kita merdeka tidak berusaha
untuk mengubah sistem ekonomi Yahudi
yang menghalalkan riba yang telah mendorong
kekejaman dan penindasan terhadap masya-
rakat yang lemah. Kerajaan melaung-laung-
kan cogan kata "Masyarakat Adil" tetapi

pada amalannya, sistem ekonomi riba melalui
institusi-institusi kewangan dan bank-bank
perdagangan yang mengautkan keuntungan
bersih beribu-ribu juta itu dibiarkan berle-
luasan bahkan digalakkan. Betapa tidak,
Tuan Yang di-Pertua, hasil titik peluh petani-
petani, nelayan-nelayan, kaum-kaum pekerja
yang miskin dan tidak bermodal sentiasa
dipungut dan dikaut keuntungannya oleh
golongan kapitalis-kapitalis yang tersebut
tanpa menanggung sebarang kerugian.

Kerajaan sepatutnya berusaha mengwujud-
kan satu sistem ekonomi yang adil yang
berlandaskan asas-asas ekonomi yang telah
ditentukan oleh pencipta alam ini sendiri
dan juga masyarakatnya iaitu ekonomi Islam.
Oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional
terikut-ikut dan terpengaruh dengan dasar
ekonomi antarabangsa, yang dipengaruhi
oleh kaum Yahudi yang mengamalkan sistem
riba, negara kita hari ini menempoh dan
mengalami keadaan tekanan dan

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain:
Tuan Yang di-Pertua, Standing Order 34 (6)
ada mengatakan: Bahawa seseorang ahli
tidak boleh membaca ucapannya dalam
Dewan ini, kecuali dengan kebenaran Tuan
Yang di-Pertua, tetapi boleh mengambil
hujjah-hujjah daripada ucapannya.

Saya nampak Yang Berhormat itu
membaca ucapannya dan agak lantang
dengan tidak silu-silu sedangkan Peraturan
ini telah wujud dan menegah, mengikut
seksyen yang saya nyatakan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:
Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membaca
cuma memerhatikan catitan-catitan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita hari ini
menempuh dan mengalami keadaan tekanan
dan bebanan bukan sahaja hutang negara
tetapi juga bunga beribu-ribu juta ringgit
tiap-tiap tahun manakala kesannya kepada
masyarakat, rakyat yang miskin tinggal
miskin dan rakyat yang kaya bertambah
kaya.

Tuan Yang di-Pertua, yang demikian
saya mengesyorkan supaya Kerajaan meng-
anjurkan satu seminar cerdik pandai dalam
bidang ekonomi Islam dari kalangan umat
Islam sendiri dengan tujuan mahu melak-
sanakan sistem ekonomi Islam di Malaysia
ini bagi menjamin masyarakat adil yang
dikehendaki itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dalam Dewan ini ada Ahli-ahli yang menyentuh soal Kelantan dan sebagainya maka suka saya menarik perhatian Dewan ini bahawa suatu keadilan perlu diadakan dalam masa melaksanakan pilihanraya pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, keadilan yang saya maksudkan sebagaimana pada hari semalam telah berbangkit masalah rapat umum samada dibenar atau tidak dalam masa kempen pilihanraya. Jadi saya menyentuh soal keadilan oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional sentiasa melaungkan keadilan dalam melaksanakan segala bidang di negara ini. Keadilan yang saya maksudkan supaya apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan semalam hanya di kawasan-kawasan keselamatan yang tidak terjamin sahaja maka rapat umum tidak dibenarkan. Tetapi, apa yang telah berlaku di negeri Kelantan semasa pilihanraya berjalan baru-baru ini tidak kira di mana tempat, tidak kira pada masa dan waktu yang semua rapat umum tidak dibenarkan. Tetapi, Menteri-menteri dengan menggunakan kemudahan-kemudahan Kerajaan itu ditanggung dengan wang rakyat yang mana telah mereka menggunakan kemudahan-kemudahan ini dengan mengadakan rapat umum. Rapat umum seperti ini boleh dilakukan oleh pihak Menteri-menteri Kerajaan dan tidak boleh dilakukan oleh parti yang bukan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian ini supaya demokrasi yang berjalan dalam negara kita ini benar-benar dilaksanakan melalui saluran yang adil supaya semua pihak dapat menerangkan kepada rakyat dengan seluas-luasnya bagi memberi peluang kepada rakyat memilih. Jangan pula satu pihak disekat dan dikongkong tidak dibenarkan rapat umum tetapi satu pihak dibenarkan. Jadi atas asas keadilan inilah saya menyuarakan supaya rakyat di seluruh Malaysia yang akan menghadapi zaman pilihanraya nanti akan menerima penerangan dan penjelasan yang sejelas-jelasnya dari semua golongan, dari semua pihak, dari semua parti politik yang bertanding dan daftarkan oleh pihak Kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menimbulkan satu masalah. Masalah yang mana pernah dituduh oleh golongan Barisan Nasional mengatakan bahawa pihak PAS setelah keluar daripada Barisan Nasional sudah menjadi satu golongan yang memecahkan perpaduan dalam negara ini.

Saya sebagai seorang Ahli Persatuan Islam Semalaysia tidak dapat menerima tuduhan ini bahkan saya sukacita menyatakan dalam Dewan ini saya telah menyatakan semasa saya menentang Rang Undang-undang Darurat Kelantan dulu; saya telah menyatakan dan bertanya kepada pihak Kerajaan, pihak pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sendiri iaitu apa tujuan di sebalik mengarah tiap-tiap Ahli Parlimen supaya menyokong Bill itu? Dan dikaitkan arahan itu dengan suatu perenggan "Tatatertib Barisan Nasional". Saya telah bertanya pada masa itu apa tujuan di sebalik arahan itu, adakah dengan tujuan supaya bila Ahli-ahli yang berkenaan menentang Bill itu maka akan didisiplinkan Ahli itu atau partinya. Kalau inilah tersembunyi di sebalik arahan itu, bererti Barisan Nasional sudah berniat hendak menyingkir PAS daripada Barisan Nasional. Saya telah terangkan pada masa itu, kalau ini berlaku, akibatnya perpecahan akan berlaku dan pihak PAS yang terpaksa berada di luar Barisan Nasional maka berdiri tegap dengan prinsip perjuangannya yang walaupun di luar Barisan Nasional, di dalam Barisan Nasional prinsip Islam yang diperjuangkan itulah juga akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada prinsip Islam yang diperjuangkan adalah membawa kepada persefahaman, perpaduan dan kesejahteraan masyarakat dalam dunia ini dan juga di akhirat. Oleh itu tidak timbul masalah memecah belahkan, menimbulkan huru-hara dalam masyarakat. Kalau ada tuduhan, maka tuduhan itu saya tolak.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan sokongan saya sekali lagi kepada Usul yang dikemukakan oleh saudara saya Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin untuk menyembahkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan menjunjung syukur kepada Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda pada pembukaan Penggal Keempat Parlimen Keempat baru-baru ini.

4.36 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja isi kandungan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong mempunyai penuh makna tetapi juga penyampaiannya pada Ahli-ahli Dewan samada Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat

sangat memerangsangkan. Jarang-jarang saya mendengar satu Titah Ucapan yang telah disampaikan dengan penuh pengertian.

Saya bernasib baik dapat duduk hampir dengan Singgahsana dan saya perhatikan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong semasa beliau menyampaikan Titah Ucapannya itu, mengambil berat atas tiap-tiap perkataan yang dilafazkan. Saya ingat dan saya nampak bila beliau menyebut berkenaan dengan satu-satu Kementerian, matanya memandangkan kepada Menteri yang berkenaan. Samada menteri itu memandang balik, saya tidak nampak. Ini menunjukkan apa yang dilafazkan oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong itu beliau telah mengkajinya dengan sehalus-halus. Ini menggambarkan kepada saya satu kebesaran, satu perkara yang saya megahkan kerana inilah perkara yang kita dukung, perkara yang kita anggap Raja Berperlembagaan yang kita sokong, inilah yang kita megahkan.

Saya sungguh-sungguh berasa megah bukan sahaja dengan pakaiannya dengan cukup intan-permata dan bintang berkelip-kelipan, itu juga tanda kebesaran, tetapi yang penting ialah cara beliau menyampaikannya. Rasa saya jarang-jarang kali kita bernasib baik dapat melihat sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ditimbulkan oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong ini dalam Titah Ucapannya ialah berkenaan dengan kedaulatan undang-undang. Saya tidak berhajat pada petang ini hendak menghuraikan apakah dia kedaulatan undang-undang, saya percaya kita semua tahu. Banyak kajian-kajian ilmiah telah dibuat atas masalah kedaulatan undang-undang. Ramai professor-professor yang bijak telah mentafsirkan atau memberi pengertian apakah dia kedaulatan undang-undang dan kita sendiri telah menerima konsep itu. Kita telah meletakkan di dalam Rukunegara kita yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini pada tahun 1970. Kedaulatan undang-undang ini bukannya boleh kita perkecil-kecilkan, kalau kita telah meluluskan satu-satu undang-undang, itu menjadi tanggungjawab kita menghormati undang-undang, berpegang kepada undang-undang, sungguhpun kita tidak bersetuju atas undang-undang itu. Kalau kita hendak pinda undang-undang itu ada tempatnya dan di Dewan Parlimenlah kita bawa untuk dipinda. Selagi undang-undang itu tidak dipinda, mestilah

kita hormat dan taat kepadanya, itulah pengertian yang diberi kepada kedaulatan undang-undang. Undang-undang tidak memilih kasih, tidak memilih orang yang kaya atau orang yang berpangkat atau orang yang besar, samarata, baik seorang individu, sebuah koperasi atau sebuah syarikat atau Kerajaan sendiri mestilah patuh kepada undang-undang. Dan dalam pengalaman negara kita setakat ini, kita boleh bermegah dan berbangga bahawa rakyat kita memang meletakkan kedaulatan undang-undang pada satu taraf yang tinggi dan jarang-jarang dipermainkan.

Saya sudah lihat banyak negara-negara yang telah meluluskan undang-undang, tetapi undang-undang itu dipermainkan, dipersia-siakan, kalau dia cari helah, dia cari helah mengeneipkan undang-undang—itu tidak ada makna! Tetapi di negara kita Alhamdulillah setakat ini bila satu undang-undang itu telah diluluskan oleh badan yang tertentu seperti Parlimen maka rakyat patuh kepadanya sehingga undang-undang itu dipinda. Undang-undang terpaksa dikenakan seperti saya katakan tadi kepada semua dan tidak boleh pilih kasih. Di sini saya suka menyeru bukan sahaja rakyat jelata, kepada orang biasa, tetapi juga kepada Kerajaan sendiri supaya mematuhi dan menghormati undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.45 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.03 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11 (1) Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.00 malam ini.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11 (1) Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.00 malam ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Perbahasan disambung semula.

5.04 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum mesyuarat ini ditempokkan sebentar tadi, saya telah menyentuh berkenaan dengan kedaulatan undang-undang. Saya telah mengatakan bahawa ada negara-negara yang telah meluluskan undang-undang tetapi setelah undang-undang itu dilulus, undang-undang itu tidak dihormati. Kita tidak mahu kedudukan yang sedemikian berlaku di negara kita. Kita mesti sedia menerima apabila undang-undang yang telah kita luluskan itu dijalankan, maka hendaklah dikuatkuasakan dengan seelok-eloknya.

Sehari dua ini ada contoh-contoh yang mana undang-undang yang telah kita luluskan itu tidak dapat dikuatkuasakan dengan seelok-eloknya. Kalau perkara itu berlanjutan maka penerimaan rakyat terhadap apa-apa juga undang-undang akan lemah. Ini patut kita elak dengan seboleh-bolehnya. Kalau dapat saya beri contoh yang sekarang ini menjadi hangat yang telah disebut oleh semua surat-suratkhobar dan meliputi ramai manusia di negara kita ini iaitu masalah cermin gelap. Ini juga undang-undang. Undang-undang telah diluluskan oleh Menteri mengikut Kaedah-kaedah Kereta Motor, Pembinaan Kelengkapan dan Penggunaan—Larangan Mengenai Jenis-jenis Kaca Tertentu 1978—Pengumuman Undang-undang A82 yang telah diwartakan dalam Warta Kerajaan pada 30hb Mac, 1978. Undang-undang ini dikuatkuasakan pada 15hb April,

1978. Persediaan bagi menguatkuasakan undang-undang itu nampaknya tidak lengkap. Bagi Kerajaan hendak mengesan sesiapa yang melakukan kesalahan di bawah peruntukan ini terpaksa Kerajaan menyediakan meter-meter dan sebagainya dan itu tidak disediakan sehingga 15hb April, mengakibatkan kesusahan kepada orang ramai.

Mengikut lapuran akhbar, Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ada membuat pengumuman samada betul atau tidak, saya tidak tahu, tetapi apa yang telah dilaporkan dalam suratkhobar STAR pada hari ini nampaknya Kerajaan telah mengendurkan undang-undang. Kataanya, "GOVERNMENT HALVES 70% TINT RULE". Apa maknanya ini? Kalau undang-undang telah dijalankan—jalankan, kalau tidak, batalkan sahaja. Kalau beginilah caranya, sudah tentu rakyat tidak akan menghormati undang-undang. Ini ada kaitan dengan kedaulatan undang-undang. Kalau kita hendak rakyat kita menghormati undang-undang, kita sendiri sebagai Kerajaan mesti sanggup menghormati undang-undang. Kalau undang-undang itu tidak boleh hendak dijalankan, beritahu awal-awal, kita batalkan. Ini katanya undang-undang ini dikenakan semarata kepada semua, tidak boleh pilih kasih. Kalau dalam masalah pilih kasih khasnya, peraturan yang saya sebut tadi sendiri memilih kasih. Saya tidak mahu sentuh dengan panjang kerana perkara ini sedang di dalam pandangan mahkamah dan perkara ini sudahpun dibawa ke mahkamah. Tetapi pilih kasih yang dimaksudkan di sini ada pula pengecualian dibuat. Ada orang-orang yang tidak payah dikenakan kaedah-kaedah cermin gelap ini; maknanya kecualian diberi, seolah-olah peraturan itu meletakkan dua kategori, satu orang yang eksklusif dan satu lagi yang bukan. Ini tidak adil, undang-undang yang seperti ini tidak elok. Kalau kita hendak adakan undang-undang, kenakan kepada semua. Saya tidak tahu apa alasan yang hendak diberi mengatakan sianu-sianu itu boleh diberi pengecualian. Kalau hendak pandang dari segi keselamatan jalanraya, sama berat sahaja. Menteri juga menggunakan jalanraya, Menteri juga terpaksa mematuhi undang-undang jalanraya. Kalau merbahaya kepada pemandu lain sama juga merbahayanya kepada Menteri. Jadi, saya tidak tahu dan tidak nampak lojiknya, tetapi kalau dalam segi keselamatan peribadi (security), Menteri kita tidak kurang daripada

penyelamatnya. Mereka mempunyai juru iringnya (security guard) yang bersama-sama mereka. Pada pendapat saya undang-undang ini jangan kita main-mainkan. Kalau kita hendak buat, kita kenakan kepada semua. Kalau ada pengecualian yang telah diberi oleh Perlembagaan, baru kita terima; kalau tidak jaga-jagalalah sedikit, biarlah undang-undang itu dikena kepada semua samada dia Menteri atau dia orang biasa. Kalau tidak, ada orang akan menuduh bahawa negara kita ini mengamal satu undang-undang untuk Menteri dan satu undang-undang untuk rakyat biasa seperti kita ini. Itu tidak baik dan tidak elok kerana kita tidak mengamalkan sistem sedemikian.

Kita telah mengatakan dalam Perlembagaan kita sendiri, di bawah Perkara 8, berkenaan taraf sama rata. Ada pengecualian diberi, saya sedar, di mana pengecualian itu telah disediakan tak mengapa, tetapi di dalam perkara-perkara yang tak ada pengecualian janganlah dibuat. Saya takut kalau perkara semacam ini diamalkan satu demi satu, maka kepercayaan rakyat terhadap undang-undang akan menjadi lemah. Sudah ternampak di beberapa negara, kalau seseorang boleh tipu, kalau boleh cari jalan mengelak, dia mengelak. Ini kita tidak hendak lakukan. Dalam masaalah ini kalau kita hendak melaksanakan undang-undang itu kita mestilah melaksanakan dengan tegas. Kalau kita tidak mempunyai pegawai-pegawai yang cukup untuk melaksanakan tak usah adakan undang-undang itu lagi, tunggu sehingga kita boleh melaksanakan dengan sepenuhnya. Ini adalah penting kalau kita meluluskan undang-undang yang rakyat tahu yang Kerajaan tidak berupaya untuk melaksanakan, sudah tentu undang-undang ini akan dipermainkan. Kalau kita tengok apa juga undang-undang yang diluluskan sekarang baik undang-undang anti-sorok, baik undang-undang yang baru saya sebut tadi, apa juga undang-undang kalau tak cukup pegawai-pegawai yang hendak melaksanakan maka sudah tentu susah. Banyak rakyat akan cuba mencari jalan keluar mengelakkan undang-undang. Saya sedar ada kalanya terpaksa menyediakan pegawai-pegawai yang cukup sampai perkara itu sudah menjadi sebatian dengan rakyat, umpamanya, kalau boleh saya beri contoh undang-undang yang kita kenakan supaya rakyat tidak membuang kertas atau sampah-sarap di tepi jalan. Kita adakan undang-undang sedemikian kita menyatakan kalau sesiapa membuang sampah dendanya \$500.00.

Tidak ada gunanya kita membuat undang-undang sedemikian kalau tak ada pegawai penguatkuasa dalam sebulan, dua, tiga mungkin setahun pegawai penguatkuasa itu mestilah bertindak setiap hari sampai kepada satu masa yang mana rakyat menerima ini sebagai second nature. Beliau juga dari segi beratur di tempat perhentian bas, mula-mulanya tak ada siapa yang hendak mengikut kerana sudah menjadi adat kebiasaan di sini, tidak ada siapa pun mengikut queue tetapi kalau ada pegawai penguatkuasa yang duduk di situ, tak ada orang berani hendak melanggar peraturan itu. Ini yang saya maksudkan Tuan Yang di-Pertua, dengan kedaulatan undang-undang. Kalau kita hendak meninggikan penghormatan kita kepada undang-undang terpaksa perlaksanaannya juga mesti dipandang. Malang sekali, bila kita menguatkuasakan kaedah kereta motor berkenaan dengan kaca gelap tadi, perlaksanaannya tidak boleh dijalankan. Dan saya nampak daripada tekanan yang dibuat oleh orang ramai, termasuk juga akhbar-akhbar mungkin Kerajaan akan relax perkara ini. Ini tak elok! Nampaknya Kerajaan terpaksa berundur bila tekanan dibuat kepadanya. Jadi Kerajaan sendiri tidak tegas. Ini satu perkara yang patutlah, kalau boleh, kita elakkan.

Menyentuh Undang-undang, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah beberapa kali di dalam Dewan ini menyatakan banyak undang-undang yang agaknya sudah lapuk dan tidak bersesuaian lagi. Undang-undang yang digubal semasa kita masih lagi menjadi kawasan takluk Kerajaan British. Banyak undang-undang yang dipakai, undang-undang yang dibuat sebelum Perang Dunia Kedua, yang dibuat pada tahun 1946 sehinggalah tahun 1957 ada undang-undang sudah menjadi lapuk, ada undang-undang sudah ketinggalan zaman, tetapi tidak ada satu badan yang duduk dan tugasnya untuk mengkaji reformasi. Saya suka mengesyorkan lagi sekali patutlah Kerajaan menimbang mengadakan law reform commission atau satu Suruhanjaya Reformasi Undang-undang. Ini berbeza dengan law revision. Law revision commission itu memang sudah kita adakan; kita memang ada suruhanjaya itu untuk membolehkan atau menentukan supaya undang-undang yang kita ada ini bukan direformkan tetapi untuk dibawa supaya undang-undang itu menjadi up-to-date. Itu sudah ada, tetapi yang tidak ada satu badan yang boleh duduk mengkaji samada undang-undang yang ada di negara kita ini sudah

basi dan perlu dipinda, perlu disesuaikan dengan iklim baru. Ini yang tak ada. Dan ini sangatlah penting, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini semasa kita membahaskan Titah Ucapan Di-Raja kita mendengar suara-suara yang agak sudah lupa kenapa kita mengadakan Rukunegara, kenapa kita menyekat kebebasan kita bercakap. Ada sahabat-sahabat saya telah menyampaikan ucapan mereka yang telah disampaikan secara halus, tetapi maknanya jelas, dan di sini terpaksa saya mengulangi lagi sekali bahawa jika kita hendakkan negara kita ini aman sentosa, rakyat yang berbilang kaum yang ada di negara kita ini dapat duduk bersama-sama dengan aman damai, maka terpaksa kita menghormati perkara-perkara yang kita sendiri telah sedari dan kita telah putuskan kalau tidak negara ini tidak akan selamat. Kita tidak mahu peristiwa 13 Mei, 1969 berulang lagi. Kita tidak mahu pertumpahan darah seperti yang berlaku selepas Perang Dunia Kedua peristiwa yang digelar "14 hari merah" berulang lagi. Bagi kita yang telah mengalami dua peristiwa itu kita tak mahu anak cucu kita terlibat dengan peristiwa berdarah lagi. Itulah sebabnya di Dewan yang mulia ini sungguhpun bukan digelar Dewan Negara pada masa itu, tetapi Majlis Perundangan Negara yang mana Tuan Yang di-Pertua sendiri menjadi salah seorang ahli, kita telah meluluskan satu konsep yang kita gelarkan Rukunegara; satu rukun yang bukan menjadi undang-undang tetapi menjadi satu perkara yang diterima oleh rakyat. Kita telah bersetuju, sekiranya tolak ansur di antara kaum tidak dapat diadakan, maka susahlah demokrasi berparlimen hendak dijalankan. Saya masih ingat suara-suara yang dikemukakan oleh pemimpin masyarakat selepas 13 Mei, 1969 yang mana mereka bersetuju bahawa jika kita hendakkan keamanan di negara kita terpaksa kita menyedari beberapa perkara termasuk perkara-perkara ekonomi untuk mengimbangkan antara kaum yang berada dengan satu kaum yang tidak berada, perkara menyentuh sensitivity tiap-tiap kaum dan itulah sebabnya bila perkara yang dua ini telah diterima oleh pemimpin-pemimpin masyarakat pada tahun 1969 dan tahun 1970 maka dapat kita hidupkan semula pemerintahan Parlimen. Kalau tidak dengan penerimaan dan kesedaran pemimpin masyarakat pada masa itu, saya rasa negara kita

ini belum lagi boleh berjalan seperti demokrasi berparlimen yang ada sekarang ini. Tetapi nampaknya ada sahabat-sahabat kita, kawan-kawan kita yang telah lupa perkara ini. Saya tidak tahu samada mereka suka supaya peristiwa berdarah ini berulang balik, saya tidak tahu! Saya rasa tidak begitu. Mungkin mereka tidak sedar. Kalau tidak sedar terpaksa kita mengingatkan semula. Hak kebebasan kita bercakap di Parlimen ini kita sendiri hadkan. Kita pindaan Perlembagaan supaya kita dikongkong bercakap. Perkara-perkara sensitif kita tidak benarkan kita sendiri bercakap padahal Parlimen ini menjamin seseorang Ahli Parlimen itu berhak bercakap apa juga yang dia hendak itu salah satu daripada kebebasan Parlimen. Tetapi kita sedar kalau kita hendak mewujudkan persefahaman kaum di negara kita ini terpaksa kita membataskan hak kita dan kita sendiri sebagai Ahli-ahli Parlimen bersetuju lebih dahulu daripada orang luar Dewan ini supaya kita sendiri bertanggungjawab, kita menghadkan kebebasan kita. Ini sudah diterima dan saya rasa tidak perlu disentuh lagi.

Issue Merdeka Universiti sudah kita tentukan juga pada masa itu. Pindaan yang dibuat kepada Perkara 153 (8A) bukannya dibuat semasa kita mencapai kemerdekaan, itu dibuat hanya pada tahun 1971 selepas kita sedar bahawa ramai kaum bumiputra yang tidak dapat kesempatan dalam institusi-institusi pelajaran tinggi, itulah sebab kita bawa pindaan-pindaan kepada Perlembagaan. Jikalau Tuan Yang di-Pertua lihat Perkara 153, Tuan Yang di-Pertua boleh nampak Perkara 153 (8A) itu telah diluluskan mengikut Akta A No. 30 tahun 1971 iaitu selepas Parlimen dipulihkan semula selepas peristiwa Mei 1969. Sekarang ini ditimbulkan lagi bukan sahaja di Dewan ini tetapi di tempat lain di luar Dewan ini. Ini adalah di antara perkara-perkara sensitif. Kalau satu kaum boleh menimbulkannya, kaum yang lain boleh juga menimbulkannya dan ke mana kita selepas itu? Patutlah, kepada mereka yang mungkin sudah lupa, patutlah diingatkan semula. Kalau ada yang berani hendak menimbulkan, sangguplah terima akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada perkara yang juga dikajikan dengan mendalam oleh Majlis Perundangan Negara ialah berkenaan dengan kedudukan rakyat yang tidak seimbang di negara kita ini. Saya rasa Dasar Ekonomi Baru itu sudah jelas dan tidak perlu saya ulangkan. Tetapi saya minta

maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menyentuh sekali lagi kerana ada juga yang tidak mengerti atau tidak mahu mengerti apa yang kita maksudkan dengan Dasar Ekonomi Baru ini. Kalau pemimpin masyarakat pada tahun 1969 dan 1970 tidak menerima konsep Dasar Ekonomi Baru kita tidak akan bersidang di Dewan Negara yang ada pada hari ini. Kita telah mewujudkan Dasar Ekonomi Baru selepas kita sedar bahawa ada kaum-kaum yang ketinggalan di dalam segi ekonomi. Perlulah dasar kita berubah. Jadi, itulah yang dikenalkan sebagai Dasar Ekonomi Baru. Sesudah dijalankan pada suatu penggal selama 5 tahun di bawah Rancangan Malaysia Kedua kita menyambung lagi di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan akan berterusan sehingga tahun 1990.

Saya suka membawa perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada perkara-perkara yang sudah agak saya jelas, tetapi dukacita terpaksa saya mengulangkan lagi iaitu kedudukan orang Melayu. Ini boleh didapati di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Saya percaya bila kita mengadakan kajian semula Rancangan Malaysia Ketiga perkara ini juga akan diperkatakan dan ditimbulkan lagi dengan angka-angka dan fakta-fakta yang tepat berkenaan kedudukan orang Melayu. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, petik daripada perenggan 237. Ini berkenaan dengan masalah membasmi kemiskinan, Perenggan 237 berbunyi:

“237. Pada masa ini masalah kemiskinan adalah merupakan terutamanya masalah orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra yang lain oleh kerana mereka bertumpu di pekerjaan-pekerjaan di bidang pertanian yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah. Sebanyak 74% dari semua orang miskin di Semenanjung Malaysia adalah terdiri dari orang-orang Melayu”.

74% daripada orang miskin di negara kita ini terdiri daripada orang Melayu. Janganlah orang lain yang bernasib baik hendak iri hati kepada orang Melayu.

“ sebanyak 65% dari semua orang-orang Melayu adalah miskin”.

Saya ulang lagi sekali:

“ 74% dari semua orang miskin di Semenanjung Malaysia adalah terdiri dari orang-orang Melayu”.

Dan daripada angka orang Melayu yang miskin itu, yang benar-benar miskin sebanyak 65% dari semua orang-orang Melayu adalah

miskin. Janganlah orang lain iri hati. Kedudukan orang Melayu ini sudah jelas orang yang tidak berada. Ini berbanding dengan kadar kemiskinan di kalangan orang China sebanyak 26% dan orang-orang India 39%. Kebanyakan daripada orang-orang China miskin terdapat di Kampung-kampung Baru terutamanya di kawasan luar bandar yang terpencil sementara kebanyakan dari orang-orang India yang miskin pula terdapat di ladang-ladang, ini hakikat yang sebenar. Itulah sebabnya Kerajaan bila hendak membasmi kemiskinan mengkaji bukannya sahaja hendak membasmi kemiskinan orang Melayu tetapi juga kemiskinan orang-orang yang bukan Melayu termasuk orang-orang China dan orang-orang India. Tetapi sebahagian besar daripada kaum yang miskin adalah orang Melayu, itu tidak dapat hendak dinafikan. Dan kalau kita hendak menjayakan program-program yang telah disediakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga, ada juga orang yang hendak soalkan. Saya rasa itu tidak patut. Kalau kita hendakkan bukan sahaja dari segi keadilan tetapi juga dari segi kemakmuran dan keharmonian, semua rakyat Malaysia mestilah mengenai masaalah ini.

Saya suka menunjukkan sedikit angka-angka yang agaknya terang. Ini dipetik daripada Jadual 4.13 daripada Rancangan Malaysia Ketiga. Kita tahu kebanyakan daripada orang-orang Melayu adalah di luar bandar. Itu tidak dapat hendak dinafikan. Daripada jumlah luar bandar sebanyak 1,203,400 keluarga adalah daripada luar bandar, ini pada tahun 1970. Kalau kita kaji angka-angka ini dan juga rancangan-rancangan Kerajaan untuk mengatasi hingga tahun 1990 kita dapati ramai lagi mereka yang duduk di luar bandar yang masih miskin. Ini juga hendak diirihati oleh orang lain? Saya rasa tidak patut. Mari kita bandingkan di bandar-bandar; tadi saya sebutkan di luar bandar, sekarang saya sebutkan di bandar. Di bandar pada tahun 1970 peratus di kalangan keluarga miskin ialah 10.8 sahaja berbanding dengan peratus di luar bandar sebanyak 89.2%. Itu pada tahun 1970, belum kita lancarkan Dasar Ekonomi Baru. Selepasnya bagaimana pula? Selepas Rancangan Malaysia Kedua peratus daripada luar bandar turun lebih kurang 2% sahaja, daripada 89.2% turun kepada 87.4%. Banyak lagi orang-orang di luar bandar yang miskin. Betul di bandar naik daripada 10.8% kepada 12.6%.

Pada tahun 1980 kadar kemiskinan, dari segi peratus—di luar bandar ialah 84.2%, di bandar naik 15.8%. Pada akhir tahun 1990 kadar kemiskinan masih 75.6%—12 tahun lagi dengan berbagai-bagai rancangan yang Kerajaan hendak laksanakan. Peratus kemiskinan di luar bandar yang mana ramainya penduduk-penduduk Melayu dan bumiputra peratusnya masih lagi 75.6%. Berbagai-bagai rancangan yang hendak dibuat oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan. Angka-angka sendiri menunjukkan bahawa perkara itu bukannya senang. Namun demikian, Kerajaan berikhtiar mengatasi kemiskinan. Tetapi sekarang kita telah dengar suara-suara sumbang mengatakan hak bangsa lain tidak dihiraukan dan diketepikan. Perkara semacam inilah, patut pemimpin-pemimpin masyarakat yang ada sekarang ini menyedari dan cuba elakkan. Pada saya lebih baik kita mencari perkara-perkara positif bagaimana kita hendak memperbaiki kedudukan daripada menimbulkan perkara-perkara negatif seperti menunjukkan orang ini tidak dapat haknya, orang itu tidak dapat haknya kerana semua telah diambil oleh orang Melayu. Itu sikap negatif, patut kita kurangkan. Biarlah ada lebih perbincangan di antara kaum-kaum bagaimana kita hendak memperbaiki lagi kedudukan yang tidak seimbang ini. Ini lebih bermanfaat pada pandangan saya daripada menghebohkan, membising-bising, berteriak-teriak, menonjol-nonjolkan mengatakan sesuatu kaum mempunyai lebih kemudahan daripada kaum yang lain.

Kalau kita hendak menjayakan Dasar Ekonomi Baru ini, dan kita sedar yang kita tidak boleh menjayakan dalam tempoh setahun, dua tahun, kita mesti memberi tempoh satu generasi dan sekarang ini tinggal hanya 12 tahun lagi. Orang-orang Melayu tidak marah tetapi kalau perkara macam ini ditimbulkan lagi, saya takut peristiwa-peristiwa seperti yang kita tidak ingini itu akan berulang lagi dan saya berdoa kepada Allah subhanahu wa taala supaya jauhkanlah perkara sedemikian.

Dalam masalah membasmi kemiskinan ini saya minta supaya Kerajaan mengkaji lagi angka-angka yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dan cari cara-cara bagaimana kita boleh memperbaiki lagi kedudukan rakyat di luar bandar. Saya nampak ada rancangan-rancangan untuk mengatasinya tetapi mungkin rancangan-rancangan pertanian ini tidak boleh dikatakan

memuaskan. Kita hendak menggalakkan rakyat desa kita menumpu kepada sistem pertanian yang moden dan tidak mengikut sistem tradisi. Kita hendak mengurangkan jumlah-jumlah orang yang terlibat di dalam pertanian secara tradisi dan menambahkan mereka di dalam pertanian moden, itu ada rancangannya. Tetapi rasa saya itu belum lagi mempunyai kesan yang penuh. Kajian patutlah sentiasa dibuat dan saya harap bila Kajian Pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga ini dibuat dengan menggunakan alat-alat komputer yang baru yang telah diadakan di Jabatan Perdana Menteri maka dapatlah kita angka-angka yang agak lebih baik dan lebih berkesan.

Saya tengok rakyat-rakyat desa masih tidak berubah kedudukannya. Polisi pertanian kita patutlah menentukan berapa ramai yang kita patut ada bagi mereka yang bertanam padi, umpamanya. Kalau sekarang ini daripada angka yang ada dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini mereka yang menanam padi pada tahun 1970 adalah di luar bandar ialah 140,000 orang, pada tahun 1975 naik kepada 148,500 orang, pada tahun 1980 naik kepada 150,000 orang, pada tahun 1990 133,000 orang. Nampaknya ada naik dan turun. Saya rasa patut Kementerian Pertanian menyediakan polisi yang agak tegas. Kalau kita tahu dari segi pendapatan seorang penanam padi itu peratus angka itu masih sama juga pendapatannya sampai tahun 1990, tidak guna kita galakkan mereka menanam padi. Biar kita kurangkan angka orang yang menanam padi tetapi biar mereka mempunyai kawasan yang luas.

Saya selalu membandingkan di negara kita ini: sesuatu keluarga yang menanam padi seluas tiga ekar umpamanya dipunyai oleh 10 orang tetapi kalau kita tengok di negara lain yang menanam padi, di Australia, di Amerika Syarikat mereka pun menanam padi juga, 2 orang suami dan isteri, tetapi luasnya 800 ekar. Jadi macam mana keluarga kita di sini yang 10 orang tadi dengan 3 ekar boleh mendapat pendapatan yang memuaskan? Sampai kiamat pun tidak boleh. Patutlah kita mengkaji perkara itu. Dan patut juga kita kaji bahawa dengan pendidikan yang kita berikan kepada anak-anak muda sekarang ini mereka ini bersekolah dan mendapat pelajaran, tidak mungkin mereka hendak bekerja sebagai pesawah lagi. Saya pun pernah bekerja di sawah. Sekarang upah saya untuk balik ke

sawah, saya tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, saya tahu berapa susahnya. Saya biasa menorih getah. Upah saya menorih getah sekarang ini pun saya tidak mahu lagi kalau saya ada jalan lain. Inilah hendak dikaji: mobiliti masyarakat kita. Kita telah membuka mata mereka kepada pertanian moden, kepada perusahaan samada collar biru atau collar putih dan kepada pekerjaan lain di bandar. Sudah tentu mereka akan tinggal, tidak mahu lagi bekerja di luar bandar. Ini menjadi masalah nanti. Perkara-perkara semacam ini sudahpun ada bayangnya, ada di ladang-ladang kelapa sawit kita di Johor umpamanya yang mana hendak mendapatkan pekerja-pekerja susah sekarang ini, dan apa pula halnya pada tahun 1990 atau tahun 2000 nanti?

Perkara semacam ini patut kita kaji sekarang jangan kita tunggukan sampai tahun 1990 atau tahun 2000, masa itu kelapa sawit kita penuh tetapi tidak ada orang hendak memetikinya dan rosak langsung. Inilah rasa saya patut Kementerian Pertanian buat kajian atas masalah ini.

Dalam masalah luar bandar, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian bahawa rakyat luar bandar juga patut mendapat kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh rakyat bandar. Kalau kita memberi saluran air paip kepada rakyat bandar kerana kita hendakkan orang di bandar minum air bersih, rakyat luar bandar tidak kurang pentingnya, mereka juga memerlukan air bersih, mereka juga memerlukan air minuman yang ditapis, yang telah diubatkan. Ini baru kita boleh katakan kita beri keadilan. Tetapi kalau kita bandingkan begitu banyak duit yang telah kita belanjakan untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada rakyat bandar.

Saya sebagai seorang rakyat bandar kalau apa juga kemudahan yang tidak ada di Ibu Kota ini, saya jerit. Berapa kali di dalam Dewan Parlimen ini kita telah bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, khususnya berkenaan dengan Ibu Kota. Kalau ada masalah, misalnya, jalan dan sebagainya, kita soal dia. Tetapi siapakah yang dapat suarakan bagi pihak rakyat luar bandar? Mereka minta air paip, tidak dapat lagi. Berpuluh tahun berjanji tidak datang juga lagi. Mereka minta tenaga letrik, begitu juga. Saya tahu banyak kampung-kampung yang masih lagi memakai

pelita minyak tanah. Kita telah merdeka 20 tahun tetapi masih banyak kampung-kampung yang tidak ada bekalan letrik.

Saya tahu perkara ini memang perkara mahal. Saya tidak tahulah samada Lembaga Letrik Negara telah membuat kajian supaya satu alternatif lain boleh ditimbangkan bagi memberi tenaga letrik kepada orang-orang kita di luar bandar.

Sungguhpun perkara ini perkara baru yang saya maksudkan ini iaitu berkenaan dengan penggunaan photo-voltaic cell iaitu menggunakan tenaga matahari. Sungguhpun perkara ini baru, tetapi sudah banyak tempat yang mengamalkan perkara ini. Mengikut laporan-laporan yang saya dapat di negar-negara yang belum lagi mempunyai gridnya sendiri itu lebih menguntungkan. Dan bagi kita tenaga daripada matahari ini memang ada, cuma hendak mengumpulkannya sahaja.

Daripada laporan-laporan yang saya baca, Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara dunia ketiga (third world) banyak yang telah mengadakan dan didapati oleh pakar-pakar perunding boleh dilaksanakan. Dan kalau begitu saya tidak nampak kenapa Lembaga Letrik Negara tidak boleh membuat kajian supaya kita menggunakan dengan lebih banyak photo-voltaic cell iaitu menggunakan tenaga matahari (solar energy). Saya mintalah perkara ini dikaji dan jikalau boleh dilaksanakan saya rasa adalah sedikit kebaikan kepada rakyat kita di desa-desa.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh satu perkara lain iaitu berkenaan dengan rakyat bumiputra yang berada, rakyat bumiputra yang di bandar yang mengerti selok-belok perniagaan moden, apa yang dikatakan di dalam Dasar Ekonomi Baru, dan juga di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang membolehkan rakyat bumiputra memiliki saham-saham dalam perusahaan moden. Ini agaknya tidak asing lagi; selalu sangat kita dengar; dan 634 hari selepas Rancangan Malaysia Ketiga ini diumumkan barulah Kerajaan umumkan pula Yayasan Pelaburan Bumiputra. Dekat-dekat dua tahun baru Kerajaan dapat menyediakan.

Perenggan 259 di dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga ini agak saya sudah jelas iaitu hendak mengadakan, apa yang dikatakan di dalam perenggan ini "Kumpulan Wang

Pelaburan Bumiputra", yang hendak mengambil-alih saham-saham yang telah dihabiskan kepada kaum bumiputra tetapi tidak dapat diambil. Boleh jadi kita tidak ada pakar-pakar yang agaknya boleh menyediakan dengan secepat mungkin. Boleh jadi kita hendak berjaga-jaga supaya perkara ini betul-betul dapat dilaksanakan.

Saya baca, tetapi saya dukacita tidak dapat hadir pada hari pelancaran itu kerana dijemput dengan cara mengejut dan saya berada di Johor pada hari itu, tetapi saya sempat membaca ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga ucapan pelancaran yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau melancarkan Yayasan Pelaburan Bumiputra dan juga anak syarikatnya iaitu "Pelaburan Nasional Berhad".

Ini dilancarkan setelah meneliti syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Petugas yang diketuai oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ismail bin Mohd. Ali, Gabenor Bank Negara. Jawatankuasa itu telah menetapkan lima perkara penting jikalau Yayasan ini hendak berjaya. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bacakan sedikit apa perkara yang dikatakan penting itu.

Pertamanya, Kumpulanwang ini mestilah tidak mempunyai batasan modal bagi membolehkan pembelian saham yang tidak terhad oleh masyarakat bumiputra. Itu salah satu daripada sifat utama yang difikirkan oleh Jawatankuasa dan diterima oleh Kerajaan. Tidak mempunyai batasan modal. Jadi peruntukan permulaan yang dibuat oleh Kerajaan ialah sebanyak \$200 juta. Sungguhpun itu besar tetapi dari segi keseluruhannya amatlah kecil kalau kita tengok daripada jumlah yang kita jangkakan. Modal-modal yang akan dipegang oleh orang Melayu pada tahun 1990 ialah \$24,000 juta, tetapi yang diberi pada setakat ini hanya \$200 juta, itu katakanlah pada tahun 1990, tetapi kalau kita pandang pada tahun 1980 akhir Rancangan Malaysia Ketiga kita dijangkakan memegang sebanyak \$3.2 billion atau \$3,284 juta, yang diberi baru \$200 juta, itupun setengah daripada masa Rancangan Malaysia Ketiga telahpun hendak habis. Macam mana kita hendak kutip dan cari duit lagi? Betul, Kerajaan tidak berputus asa. Saya sedar dalam ucapannya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengatakan \$200 juta ini sebagai pembahagian yang pertama.

Sifat yang kedua pentingnya diwujudkan satu kumpulan pengurusan yang kukuh, jujur dan berkesan. Itu saya akui, kalau kita tidak mempunyai satu golongan yang jujur yang boleh mentadbirkan wang ini tidak ada makna—lingkup langsung. Itu saya akui, saya terima.

Ketiga, Kumpulanwang itu haruslah berbentuk badan perniagaan yang sebenarnya dengan kuasa melabur dalam semua jenis surat-surat jaminan dan meminjam. Ini juga penting. Kita tidak boleh menjalankan secara ambil lewa sahaja, orang-orang yang menjalankan ini biarlah menjalankan secara professional tidak sebagai amateur.

Keempat, Kumpulanwang ini harus memainkan peranannya sebagai daya penggerak dalam menggalakkan simpanan oleh masyarakat bumiputra. Saya suka ulangkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana ini ada kaitan. Kumpulanwang ini harus memainkan peranannya sebagai daya penggerak dalam menggalakkan simpanan oleh masyarakat bumiputra. Katanya sebagai daya penggerak, saya suka berbalik kepada perkara ini kerana ini adalah penting. Izinkan saya habiskan dahulu sifat-sifat yang telah ditetapkan. Kumpulanwang ini mesti mempunyai keupayaan memegang dan mengeluarkan balik sumber-sumbernya untuk pelaburan seterusnya. Sebenarnya ada enam sifat, bukannya lima. Yang akhirnya, bagi mewujudkan keyakinan Kumpulanwang ini mestilah bertanggungjawab kepada Kerajaan supaya terselesamat Kumpulanwang yang telah disediakan oleh Kerajaan dan dari sumber-sumber lain. Jadi yang penting ialah perkara keempat iaitu memainkan peranannya sebagai daya penggerak dalam menggalakkan simpanan oleh masyarakat bumiputra. Saya katakan penting oleh kerana habuan \$200 juta ini yang telah ditetapkan di dalam Yayasan Pelaburan Bumiputra ini ialah wang Kerajaan, bukannya wang bumiputra sungguhpun dinamakan bumiputra.

Ini adalah kali pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti satu dokumen Kerajaan atau dokumen yang diterima oleh Kerajaan yang mengatakan bahawa Yayasan ini ialah Yayasan Amanah kepada kaum bumiputra. Apa yang ada ialah deklarasi daripada Kerajaan mengatakan yang semua ini dipegang bagi pihak bumiputra, ataupun dengan ertikata lain, sebagai amanah kepada kaum bumiputra. Ini ada bezanya, saya telah

timbulkan perbezaan ini semasa kita membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga pada tahun 1976 dahulu. Saya telah menunjukkan perbezaan di antara pegangan Kerajaan sebagai pengamanah dengan pegangan yang boleh dikatakan betul-betul hak milik bumiputra. Jadi sekarang ini sungguhpun \$200 juta telah disediakan, duit itu masih lagi duit Kerajaan; apa yang kita perlu ialah mengadakan duit bumiputra sendiri, maknanya bumiputra menyimpan atau menambah kepada modal yang disediakan oleh Kerajaan sebanyak \$200 juta tadi. Ini yang penting dan ini yang dimaksudkan dengan yang saya baca tadi, iaitu badan ini akan memainkan peranannya sebagai daya penggerak dalam menggalakkan simpanan oleh masyarakat bumiputra.

Saya telah beberapa kali di forum lain dan di tempat-tempat lain mengatakan kita mesti bezakan bumiputra tulin dengan bumiputra celup. Di sini yang dipegang ini ialah sebagai bumiputra celup iaitu Kerajaan memegang bagi pihak bumiputra. Jadi, kalau kita tengok daripada angka-angka saham yang akan dipegang oleh bumiputra pada akhir 1990 iaitu akhir Dasar Ekonomi Baru berapa angkanya, berapa peratusnya? Kita tahu secara umumnya 30%, tetapi 30% tadi masuk pegangan Kerajaan dan pegangan bumiputra tulin iaitu bumiputra dan bumiputra celup. Saya petek daripada angka-angka yang disediakan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga iaitu Jadual 4.16. Pada tahun 1990 yang dipegang oleh kaum bumiputra termasuk pegangan oleh Kerajaan ialah 30%, daripada itu 7.4% adalah sebenarnya dimiliki oleh kaum bumiputra, iaitu bumiputra tulin yang memegang saham itu. Yang baki-nya 22.6% ini dipegang oleh Kerajaan bagi pihak bumiputra seperti yang hendak dipegang oleh Yayasan Pelaburan Bumiputra tadi. Jadi tidak bolehlah kita hendak katakan yang 30% itu betul-betul dimiliki oleh kaum bumiputra—tidak. Sebenarnya 7.4%; dan 22.6% Kerajaan memegangnya; dan saya juga telah beberapa kali menyatakan bukan sahaja di Dewan ini tetapi di tempat lain supaya langkah-langkah mestilah diambil supaya diserahkan kembali kepada bumiputra yang berhak, yang patut, yang layak menerima saham-saham ini. Maknanya 22.6% itu mestilah dikurangkan dan jangan kita tunggu sampai tahun 1990 baru kita hendak kurangkan; kita kurangkan daripada sekarang ini; mana ada kaum bumiputra yang boleh mengambil alih diserahkan kepada mereka, jangan

kita tunggu. Kalau tidak saya takut sistem kita ini akan berubah. Sekarang ini kita mengamali free enterprise system sungguhpun yang sebenarnya kita mengamali mixed economy, tetapi kita menggalakkan pemilikan harta persendirian private ownership itu kita galakkan!

Tetapi kalau salah jalannya pada tahun 1990 nanti orang Melayu merasa tidak apa yang ada pada dia, semua dimiliki oleh Kerajaan, bukan hak dia, hak Kerajaan. Mungkin pada masa itu orang Melayu mengatakan: baiklah, biar Kerajaan pegang semua, tidak ada guna bagi orang Melayu memegang. Masa itu kita akan pinda sistem kita daripada private ownership kepada public ownership. Itu merbahaya, bukan sahaja kepada kaum bumiputra—kerana pada masa itu kaum bumiputra tidak akan merasai apa-apa kehilangan kerana tidak ada apa-apa—tetapi kepada kaum-kaum yang lain juga!

Saya suka memberi amaran ini jikalau kita tidak berwaspada, tidak mencari jalan supaya kita pindahkan milik Kerajaan itu sungguhpun sebagai pengamanah (trustee) kepada individu ataupun bumiputra tulin, maka akan timbullah satu pertukaran sistem di negara kita dan mungkin ini yang tidak kita hendakkan. Saya tidak mahu sebut apa-apa sistem itu, barangkali Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat saya di Dewan ini mengerti apa yang saya maksudkan; ini adalah penting. Saya sedar dalam setahun dua ini mungkin susah bagi Kerajaan hendak memindahmilikkan kerana susah hendak mengetahui kepada bumiputra manakah hendak diserahkan, tetapi mestilah dijalankan, memberi keyakinan bukan sahaja kepada bumiputra yang ada di negara kita ini tetapi kepada rakyat bukan bumiputra yang ada di negara kita ini bahawa sistem yang kita amali itu, iaitu private ownership akan diteruskan, akan dikekalkan. Kalau tidak begitu, saya tidak tahulah apa yang akan terjadi pada tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan berbagai-bagai dasar di negara kita ini termasuk dasar yang telah saya sentuh tadi kita memerlukan tenaga-tenaga yang bukan sahaja terlatih tetapi tenaga-tenaga yang mempunyai cukup disiplin. Ini nampaknya kita telah mengenyepikan. Rasa saya kita tidak boleh melaksanakan sesuatu dasar itu dengan baik sekiranya kita tidak mempunyai tenaga-tenaga yang mempunyai latihan dan juga yang penting mempunyai dedikasi dan disiplin.

Kita telah tengok kemerosotan yang berlaku di badan-badan Kerajaan, ini tidak boleh dinafikan, di sekolah-sekolah, boleh dikatakan di semua lapangan, kerana untuk menjayakan semangat bekerja dengan lebih sedikit tidak ditanamkan. Beberapa kali kita telah timbulkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa sistem pelajaran kita sekarang ini menempuhi satu cabaran, guru-guru tidak dapat mengawal anak-anak muridnya dengan sebaik-baiknya seperti zaman kita bersekolah dahulu, undang-undang yang kita buat seperti saya sebut awal-awal tadi dipermainkan, ini menunjukkan disiplin rakyat kita itu sudah nampak kelemahannya. Saya rasa patutlah perkara ini diberi pertimbangan yang serious oleh semua pihak, Kerajaan dan orang ramai, bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini.

Saya tidak suka dengan kerahan negara (national service) tetapi ada kalanya perkara sedemikian memang baik kerana mereka yang pergi masuk di dalam national service menjadi askar ataupun polis. Ini salah satu daripada cara untuk mendisiplinkan mereka dengan berkawat dan sebagainya supaya mereka betul-betul mematuhi perintah yang ditetapkan, ini salah satu caranya. Kita memang tidak mengamalkan national service secara umumnya di sini sungguhpun undang-undang ada kita telah kuatkuasakan, cuma dalam bidang-bidang tertentu, umpamanya kepada mereka dalam bidang yang belum mencukupi seperti dalam bidang perubatan yang mana pihak tentera kita tidak mempunyai doktor yang cukup kita telah menguatkuasakan undang-undang itu. Tetapi pada amnya oleh kerana kita ini kononnya di dalam zaman aman, iaitu kita tidak di dalam peringkat berperang maka tidak perlulah dilaksanakan dengan sepenuhnya kerahan negara (national service) ini.

Saya suka membawa perhatian atau pandangan yang patut perkara ini ditimbang. Kita memerlukan banyak tenaga-tenaga berdisiplin. Kalaulah penganggur-penganggur kita yang datang dari luar bandar atau yang datang dari bandar sendiri kalau tenaga mereka itu boleh disalurkan kepada satu-satu yang berguna elok sangat. Kita telah mengadakan secara kecilan umpamanya latihan yang kita adakan di Dusun Tua, itu tidak mencukupi. Kita memerlukan lebih lagi badan-badan yang berdisiplin semacam ini. Kalau kita tengokkan Trafik Warden yang kita hendak gunakan di negara kita ini, itu juga tidak

mencukupi dan mereka belum lagi mempunyai disiplin yang cukup. Saya tahu banyak tempat-tempat yang kita perlukan mereka ini sungguhpun kita telah adakan satu sistem lain, iaitu sistem Rukun Tetangga tetapi mereka yang berkhidmat dengan Rukun Tetangga ini tidak mempunyai disiplin yang cukup seperti disiplin yang ada oleh polis ataupun tentera. Patut kita kaji orang-orang semacam ini; kalau kita hendak memperbaiki kita adakan latihan yang agaknya lebih berkesan seperti latihan tentera kepada mereka ini.

Saya suka membawa contoh kerana rakyat kita ini lebih menghormati kepada seorang yang beruniform, dia takut sedikit. Minggu lepas saya berada di Kuantan dan saya hendak balik ke Kuala Lumpur dalam hujan yang lebat, sampai ke Batu 12 ada tanah runtuh. Tanah runtuh mengakibatkan tidak bolehlah kereta hendak lalulintas hingga tanah itu dibersihkan. Di situ timbulah kedudukan yang kucar-kacir. Biasanya pemandu-pemandu kereta patutlah beratur di belakang—satu demi satu supaya membolehkan jalan itu terbuka bagi kereta daripada depan tetapi rakyat kita yang tidak mempunyai disiplin ini telah berbaris 3-4 di jalan yang mengakibatkan kereta daripada sana tidak boleh ke mari, kereta daripada sini tidak boleh ke sana. Perkara semacam ini bukan susah sangat, tetapi oleh kerana tidak mempunyai disiplin itu masing-masing mengambil undang-undang itu di tangan mereka sendiri. Tidak ada siapa yang boleh mengatakan mereka tidak boleh berbuat demikian. Perasaan tanggungjawab itu tidak ada tetapi apabila datang seorang yang beruniform, dia adalah seorang askar dan menjerit: "Awak tidak boleh buat begini," maka orang lain semua mengikut katanya. Ini yang menyebabkan saya katakan kita ini selalu sangat hendak ditunjuk ajar oleh seorang yang beruniform sehingga disiplin itu sudah menjadi sebatik kepada kita seperti apa yang telah berlaku kepada rakyat Jepun; maka kita memerlukan pengawalan yang sedemikian. Bila ada sahaja seorang mata-mata ataupun seorang yang beruniform seorang tentera, maka aman sedikit jalan tadi. Begitu juga contoh yang sama boleh kita buat kepada perhentian bas. Saya ingat masa hendak Hari Raya sahaja yang mana polis ada berdiri, maka orang ramai berderet mengikut giliran. Bila ada polis itu tidak adalah orang berani hendak melompat, semuanya berderet, tetapi bila tidak ada polis masing-masing mengikut

kehendaknya sendiri. Ini disiplin rakyat. Ini hanya boleh dibetulkan jikalau kita mempunyai orang-orang yang boleh mengawali, orang-orang yang beruniform yang boleh mengawali. Saya tidak mahu membawa contoh Singapura selalu sangat, tetapi apa yang berlaku di Singapura itu agak boleh menjadi pelajaran kepada kita. Anak-anak muda diambil sebagai kerahan (national service) dan mengikut kehendak-kehendak negaranya kalau seseorang itu diperlu masuk dalam polis dihantarnya kepada bahagian itu, kalau perlu menjaga lalulintas di situ lah ditugaskan. Sekarang ini kalau sesiapa membuang sampah di Singapura dengan serta-merta dia akan didenda oleh ahli national service yang bertugas di situ. Jadi lama kelamaan sudah menjadi kebiasaan kepada rakyat disitu. Hendak buang kertas pun dia tidak mahu. Undang-undang seperti ini perlu di negara kita kerana kita nampak pada pandangan saya disiplin rakyat kita sudah merosot dan jikalau kita tidak perbaiki sekarang ini dengan mengenakan satu tindakan yang agaknya berkesan—saya tidak mengatakan keras, agak saya perkara ini akan menjadi buruk lagi pada masa yang akan datang.

Saya sedar yang kita hendak beri kebebasan kepada rakyat kita seperti yang dijamin oleh Perlembagaan, tetapi itu semua ada batasnya. Kalau kita tidak sanggup mengenakan sedikit sebanyak disiplin kepada rakyat kita agak saya sukar nanti.

Masalah ini juga kita boleh lihat di pantai-pantai, tempat-tempat pelancungan seperti di Port Dickson, Pulau Pinang dan sebagainya. Sungguhpun tong sampah disediakan, tidak ada siapa yang menggunakan tong sampah; sampah dibuang di atas pantai dan mengotorkan. Mungkin Jabatan Pelancungan boleh mengkajikan dengan kerjasama negeri-negeri supaya mengadakan pasukan-pasukan yang boleh mengawal pantai-pantai di mana tiap-tiap hari Ahad atau hari Sabtu orang ramai pergi berhijrah. Pada hari itu adakan pengawal supaya menentukan tidak ada orang membuang kertas tidak tentu arah, tidak ada berlaku kekacauan di sana. Kita boleh gunakan mungkin pegawai-pegawai Rukun Tetangga, mungkin orang yang kita ambil sebagai national service. Orang-orang ini banyak boleh kita gunakan dan boleh kita salurkan tenaga-tenaga yang tidak menguntungkan kita sekarang ini kearah itu. Kita banyak mempunyai tenaga-tenaga muda kita

yang menganggur yang tidak tahu hendak buat apa. Jadi, kalau mereka ini boleh disalurkan kepada satu jalan yang bukan sahaja memberi pendapatan sedikit kepada mereka, tetapi juga menanam perasaan taat-setia, memberi perasaan tanggungjawab kepada negara, maka kemudian mereka itu boleh digunakan untuk membantu masyarakat-masyarakat yang lain yang ada di negara kita ini yang lemah dan yang tidak sanggup bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri pandangan saya terhadap usul yang dikemukakan ini, saya sukalah menyentuh sedikit berkenaan dengan dasar kita terhadap negara-negara lain. Saya rasa patut kita menyokong usaha-usaha yang dibuat oleh President Carter di United States of America yang telah mengharamkan bom neutron. Ini mungkin pada kita tidak ada kena-mengena, tetapi bila kita pandang kepada masyarakat dunia ini ada kaitannya dengan kita. Sungguhpun ada negara-negara yang suka supaya pembuatan bom neutron itu diteruskan, tetapi rasa saya kita sebagai rakyat yang sukakan kepada keamanan patut kita menyuarakan pandangan kita kerana apa yang saya faham bom neutron ini bila dia meletup nanti, dia hanya membinasakan manusia dan dia tidak membinasakan benda-benda, barang-barang, rumah-rumah dan bangunan-bangunan. Saya pun hairan atas sikap yang sanggup membinasakan manusia dan tidak membinasakan bangunan. Inilah akibatnya penggunaan bom neutron dan dengan sikap President Carter setakat ini mengharamkan pembuatan bom neutron patutlah negara kita memberi sokongan kepada beliau dan dengan ucapan itu, saya sukalah menyatakan sokongan penuh saya terhadap usul yang telah dikemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin melafazkan Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli atas Titah Ucapan Baginda, pada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat pada 20hb Mac, 1978.

6.17 ptg.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tan Sri kerana memberi saya peluang mengambil bahagian dalam perbincangan usul junjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda.

Saya suka mengucapkan tahniah kepada rakan saya, Jeneral Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin atas ucapan membawa Usul Terima Kasih itu. Saya gembira bersama-samanya dalam sentimen yang disuarakan, tetapi saya suka menyatakan sepatah dua untuk menerangkan perasaan saya.

Saya amat berterima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana telah menyebut dalam Titah Diraja mengenai meninggikan taraf hidup rakyat yang mundur dalam ekonomi mereka. Sudah 21 tahun kita merdeka dan sungguhpun terdapat pembangunan di sana sini dalam negara kita, masih ada lagi kampung-kampung yang masih tidak mempunyai kemudahan moden termasuk bekalan elektrik dan air. Ada lagi kampung-kampung yang masih tidak mempunyai jalan yang sempurna dan sekolah-sekolah untuk anak-anak mereka. Saya harap Kementerian-kementerian berkenaan tidak akan lupa kawasan-kawasan mundur dalam negara kita semasa mereka menumpukan usaha pembangunan di kawasan-kawasan bandar.

Baru-baru ini, saya sukacita mengetahui bahawa Kerajaan telah menekankan atas ajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kita. Taraf dan mutu Bahasa Inggeris telah merosot. Sungguhpun Bahasa Malaysia adalah Bahasa Kebangsaan kita dan ia harus diberi tempat yang utama, kita tidak boleh pula mengeneipkan kepentingan Bahasa Inggeris sekiranya negara kita hendak maju dalam bidang ekonomi, sains dan teknologi. Dalam bidang-bidang ini, Bahasa Inggeris masih menjadi bahasa yang penting. Penguasaan Bahasa Inggeris akan menolong generasi muda kita membaca bahan bacaan mengenai mereka serta juga mereka boleh bertukar-tukar pandangan dengan mereka dari luar negeri supaya mereka akan menjadi lebih berguna untuk kemajuan negara kita.

Saya juga minta Menteri Pelajaran supaya tidak melupakan lain-lain bahasa yang menjadi bahasa ibunda kaum-kaum dalam negara ini. Saya menyebutkan Bahasa Tamil khususnya, yang tuan-tuan akan bersetuju, bukan sahaja sebagai bahasa, tetapi juga menjadi punca mengajar anak-anak supaya menghormati Tuhan, bersopan terhadap orang-orang tua, negara dan sesama manusia. Saya harap sekurang-kurangnya dalam Rancangan Lima Tahun akan datang, pertimbangan hendaklah diberi untuk mendirikan lebih banyak sekolah-sekolah Tamil dan peruntukan dibuat untuk menjaga bahasa itu dalam sekolah-sekolah lain.

Kami amat gembira kerana banyak estet-estet sekarang ini berada dalam tangan rakyat Malaysia. Tetapi adalah sedih melihat bahawa apabila orang-orang luar meninggalkan estet-estet banyak daripadanya dipecah-pecahkan, dan dengan itu pekerja-pekerjanya juga disurui dan mereka telah menganggur. Adalah satu perkara yang sedih kerana mereka telah dihalau keluar dari tempat tinggal dan tempat kerja lama mereka itu. Dengan pembangunan pesat dalam bidang pelajaran dan kesihatan, kita masih dapat banyak orang-orang dalam estet yang tinggal dalam keadaan yang primitif. Mereka masih tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti rumah tinggal yang sesuai, bekalan air serta kemudahan-kemudahan kesihatan.

Saya harap Menteri Buruh kita akan menyasat keadaan susah mereka itu yang telah tolong negara kita dengan mengeluarkan getah bernilai jutaan ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kesal kerana terpaksa membangkitkan perkara ini berkali-kali kerana saya rasa saya gagal dalam tanggungjawab saya jika saya tidak menekankan kepada Kerajaan atas frustrasi yang dialami oleh mereka yang tidak berkerakyatan. Kita tahu kebanyakan mereka telah tinggal dalam negara kita bergenerasi lamanya tanpa mengetahui rupa bentuk nenek moyang mereka di negeri asal. Saya rasa kita tidak bersikap adil kepada mereka atas sebab mereka itu daif. Negara kita sedang maju, rakyat telah berpelajaran dan mereka mulai memahami keadaan dan mereka mulai memohon kerakyatan. Bolehkah kita nafikan mereka? Mereka telah menunjukkan kejujuran mereka dengan benar dan kita tidak boleh mengeneipkan mereka. Saya minta Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi pertimbangan simpati bagi mereka dan beri apa-apa pertolongan yang perlu. Jika kita tidak menolong mereka, siapakah lagi akan berbuat demikian?

Adalah satu perkara yang membanggakan kerana negara kita tetap menjadi tauladan baik kepada dunia kerana tolak ansur ugama. Saya berterima kasih kepada Kerajaan kita kerana begitu kepada pelbagai ugama dalam negara ini. Lebih lagi Kerajaan juga memberi bantuan kewangan kepada ugama-ugama lain. Tetapi masih ada anasir-anasir jahat yang cuba menimbulkan salah faham dan syak wasangka di kalangan pelbagai kaum. Mereka tidak sedar atas keburukan yang

akan berlaku kepada negara kita yang makmur dan bersatu-padu ini. Saya minta Kerajaan sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir jahat dan membasmi mereka.

Saya suka menyentuh pekerja-pekerja estel yang telah bersara selepas bertahun-tahun bekerja. Mereka ialah tulang belakang ekonomi negara kita, tetapi apabila tamat perkhidmatan, apakah yang kita buat untuk menandakan penghargaan kita terhadap perkhidmatan mereka? Saya rasa apa yang kita boleh buat ialah memberikan tanah percuma kepada mereka untuk menghabiskan masa lapang mereka dalam suasana yang mereka telah biasa. Kalau ini terlalu mahal, sekurang-kurangnya kita boleh beri tanah itu pada kos yang rendah yang mereka mampu bayar daripada wang simpanan yang mereka punyai semasa bersara.

Dalam hal ini, saya suka mencadangkan dalam rancangan tanah pada masa depan, more places should be allocated kepada orang-orang India dan pertimbangan khas patut diberi untuk memberi tempat-tempat kediaman dalam rancangan perumahan Kerajaan atau sektor swasta.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, another subject I would very much like to bring to the attention of the Government is the prevalence of illicit samsu distilling and sale. We have heard and seen people dying after taking illicit samsu, some immediately but many are dying a slow death. This has become a great menace to society. People who are resorting to distilling illicit samsu not only are undoing the efforts of our Government to build a healthy nation but are cheating the Government of taxes amounting to thousands of ringgit.

We do appreciate the off-and-on raids conducted by the Customs and Police, but these actions bring about only a temporary halt. After some time, again these elements resort to their old trade in other places. Perhaps the punishment handed out to them at present is not severe enough. I strongly urge the Honourable Attorney-General and Minister of Law to bring to this House a legislation for more deterrent punishment like whipping, both to the distillers and to those who patronise their products.

It is high time we viewed samsu taking more seriously. This is equally bad as taking "dadah" (dangerous drugs) and I would re-

quest the Government to give it as much importance and attention as it gives to "dadah".

Dengan teguran-teguran di atas, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi sokongan penuh dalam menyokong Usul dalam Dewan ini. Saya berdoa moga-moga Tuhan melanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong serta keluarga-keluarganya. Akhirnya, saya suka menyampaikan penghargaan saya kepada semua Yang Berhormat Menteri-menteri yang kerja kuat untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang aman, makmur dan harmoni untuk semua rakyatnya.

6.30 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kehadiran Allah kerana dapat peluang pada petang yang mulia ini untuk bersama-sama dengan saudara-saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bagi menyampaikan ucapan setinggi-tinggi junjung kasih atas Titah Ucapan yang telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong dalam pembukaan rasmi Penggal Keempat Parlimen Keempat baharu-baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang patut difikirkan adalah kenyataan-kenyataan yang telah dibentangkan secara terbuka dan telah dipercakapkan dan telah dibahaskan. Dengan keadaan demikian, kita sekarang dalam menghadapi Rancangan Malaysia Ketiga. Usaha-usaha Kerajaan untuk menstabilkan penduduk-penduduk seluruh rakyat Malaysia sedang di dalam proses bagi mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga ini walaupun kita sedang berusaha dan masih melancarkan rancangan-rancangan mengarah pencapaian 30% bumiputra pada akhirnya nanti, tetapi saya merasa bimbang dan merasa ragu-ragu takut terkandas rancangan itu kalau usaha gigih, jujur dan ikhlas tidak diutamakan. Tuan Yang di-Pertua, apa yang meragu-ragukan saya ialah gembar-gembur pemimpin-pemimpin terhadap rancangan Kerajaan Malaysia bagi menjalankan negara kita ini yang akan menjadi bahan renungan dan bahan ketawa bukan bahan kajian dan yang akan kita hadapi nanti ialah cemohan-cemohan dan putus harapan rakyat seluruhnya di negara kita khasnya bumiputra hari ini. Satu contoh, 40% rakyat Malaysia adalah

misikin dan 70% darinya ialah rakyat luar bandar; istilahnya ialah Melayu hampir sejuta rakyat masih menganggur sedangkan pembangunan pesat didirikan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia mengenai Dasar Ekonomi Baru saya amat menarik dan tertarik perhatian sekali begitu juga apa yang dikatakan oleh saudara saya Yang Berhormat Senator Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin tadi dengan panjang lebar di dalam soal Dasar Ekonomi Baru ini. Saya ingin memperkatakan serba ringkas lagi untuk mengekori dalam Dasar Ekonomi Baru ini di mana Dasar Ekonomi Baru ini telah diterima oleh rakyat melalui Parlimen sebagai satu dasar bagi pembangunan ekonomi yang memberi kesejahteraan hidup kepada rakyat iaitu satu dasar yang sengaja mahu dilaksanakan bagi mencapai matlamat kesejahteraan hidup rakyat. Kedua, jelas dasar yang sengaja diwujudkan dan dilaksanakan itu tidak langsung menepati ertikata DEB khasya bagi bumiputra, bahawa matlamat 30% modal dari pelaburan negara akan dinikmati oleh bumiputra pada tahun 1990 adalah satu perkara dasar yang cukup meleset dan menyesatkan. Sebab saya perkatakan demikian bahawa dari punca-punca yang layak dipercayai pada tahun 1990 cuma akan tercapai kira-kira 7.5% sahaja dari matlamat yang ditetapkan, itu pun separuh darinya dimiliki oleh apa yang dikatakan oleh saudara saya tadi bumiputra celup maka saya istilahkan pula Melayu celup iaitu nama sahaja Melayu tetapi tingkahlaku dan tindakan serta perbuatannya adalah sebagai kaum penjajah atau imperialis. Bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah merupakan satu manifesto yang jelas menyesatkan perhatian rakyat di dalam hal pembangunan yang sama-sama kita tahu. Kerajaan mestilah berani mengakui kesalahan-kesalahan ini dengan jujur dan tegas menyusun semula langkah-langkah lain dengan serta-merta membetulkan kesalahan-kesalahan ini supaya dapat tercipta apa yang kita agung-agungkan dan cita-citakan ini sebagaimana yang kita semua perkatakan di dalam Dewan ini pada hari yang mulia ini. Sekiranya hari ini tidak dilaksanakan orang bumiputra akan menghisab DEB ini sebagai satu sabotaj yang sengaja diwujudkan bagi menyesatkan orang bumiputra yang hidup di negara ini dan akan tertulislah di dalam sejarah untuk menjadi bacaan anak cucu kita di masa hadapan. Sekiranya pula

tindakan-tindakan yang lain telahpun diambil maka kenyataan ini kita mestilah mengingatkan agar janganlah tindakan yang diambil itu sebagai melepas batuk di tangga sahaja daripada tahun 1990 nanti kedudukan ekonomi bumiputra biarlah tetap di peringkat yang sama.

Saya ingin menyentuh lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedaulatan undang-undang, walaupun tadi telah diperkatakan oleh pakar undang-undang saudara saya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin, saya tidak pakar dalam masalah undang-undang ini tetapi saya ingin menyentuh dari segi kedaulatan undang-undang ini dengan apa yang disampaikan oleh Titah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Di dalam hal ini sangatlah dibanggakan bahawa Duli Yang Maha Mulia telah menekankan negara kita sangat mengamalkan kedaulatan undang-undang. Ini menjadikan rakyat hidup di negara ini dengan penuh rasa selamat. Alhamdulillah, syukur kita kehadiran Allah. Dalam pada itu adalah jelas tindakan undang-undang cuma dijalankan mengikut tafsiran Menteri Undang-undang sahaja khasnya mengenai rasuah. Dalam keadaan macam ini ada pihak tertentu yang lain, sebagai contoh kita tahu ada professor membuat dan menganalisa dadah dan ada pakar penyeludupan dadah dan bermacam-macam lain perkara dan ada setengahnya tahu dan di dalam perhatian tetapi oleh kerana ada sesuatu hal ada satu kaitan maka dengan penuh rasa senang hati, selamat tidak ada apa-apa, walaupun umum mengetahui perkara ini. Umpamanya, kalau tadi saudara saya Yang Berhormat memberi contoh yang lain, saya sentuh satu contoh yang kita sama-sama tahu di mana bekas Menteri Besar Selangor, beliau dihukum kerana dia menerima rasuah. Terima kasih, tidak mengapalah itu benar. Tetapi Hongkong dan Shanghai Bank, ini contoh, Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh janganlah sentuh perkara itu, nanti timbul pula soal-soal lain.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Itu sebagai contoh. Jadi, di dalam perkara ini banyakkah contoh-contoh yang kalau boleh sama-samalah kita pada hari ini dapat memerhatikan di dalam kedaulatan undang-undang ini, maka di dalam soal-soal yang

seumpama inilah rakyat telah menilai mengikut cara-caranya. Apabila rakyat sudah dapat membaca tindakan demikian maka keresahan rakyat sudah tidak dapat dielakkan dan kedaulatan undang-undang akan cuma tinggal di bibir sahaja. Undang-undang tidak mengenal double standard, tetapi kalau ini tetap berlaku maka percayalah negara kita akan menempuh malapetaka akibat pemimpin-pemimpin kita yang menyeleweng dari ajaran Allah.

Di dalam menyentuh kedaulatan undang-undang ini juga saya suka menyebutkan, Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedudukan agama Islam, agama rasmi di negara kita ini. Kerajaan patutlah mendaulatkan undang-undang Islam di dalam segala aspek kehidupan masyarakat kerana sebagai umat Islam kita yakin bahawa undang-undang Islamlah undang-undang yang lengkap dan sempurna. Kerajaan tidaklah patut hanya melihat undang-undang Islam berkuatkuasa di sekitar urusan peribadi dan izzuziah seperti sembahyang dan puasa sahaja.

Sekian lama kita menentang fahaman dan pengaruh komunis, anasir-anasir subversif dan menyalahgunakan dadah dan bermacam-macam lagi, maka sepatutnya sudah sampailah masanya di saat ini untuk menggubal undang-undang moral bagi meninggikan akhlak masyarakat negara kita. Perkara ini sudah lama ditimbulkan samada di Dewan Rakyat atau juga di Dewan Negara tetapi yang menjadi anih dan pelik sekali kerana Kerajaan atas sikap yang sentiasa melaunglaungkan cogan kata "Pembangunan Kebendaan dan Pembangunan Kerohanian" tetapi tidak sedikitpun bercita-cita untuk mengadakan undang-undang akhlak yang akibatnya orang-orang Islam sahaja kena hukum sedangkan orang yang bukan Islam senanglenang dan merasa kesedapan yang aman dan bebas.

Dalam perkara ini dan sikap-sikap demikian kalau diikuti maka kelemahan pihak Kerajaan adalah terang dan nyata dan akibatnya daripada ini kedaulatan undang-undang kita tidak menjamin keseluruhan rakyat di negara ini. Begitu juga judi dan arak haram di segi Islam tetapi bebas dibuat semahumahnya oleh orang Islam sedang Kerajaan menyukainya perkara ini terus berlaku. Kerajaan patutlah mengadakan undang-undang berkenaan Islam ini supaya Islam tetap berdaulat sebagai yang kita agung-agungkan.

Kerajaan patutlah mengadakan undang-undang menjamin dan menjadikan satu kesalahan jenayah bagi orang yang mengedar dan menjual minuman keras dan mengadakan perjudian kepada umat Islam khususnya. Kalau Kerajaan boleh mengadakan undang-undang penyalahgunaan dadah dan pengedaran kepada umum, saya rasa tidak menjadi keberatan Kerajaan mengadakan undang-undang menguatkuasakan hukum-hukum Islam di negara ini mengikut penyesuaian dan kuasa-kuasa yang ada di negara ini.

Di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia ada juga tersebut soal penyelewengan pemimpin. Maka di sini saya bersyukur bahawa Kerajaan di bawah Duli Yang Maha Mulia tidak akan kompromi terhadap pemimpin-pemimpin yang menyeleweng. Dalam pada itu adalah sangat-sangat diharapkan agar di gunakan apa yang telah dikatakan, jangan terus-menerus rakyat menyebut ungkapan "cakap tak sama bikin" kerana mereka yang menjadi orang kelilingnya adalah parti pemerintah akan selamat dari mereka yang terdiri di luar yang menjadi orang yang rapat mengelilingi ketua parti. Kerana itu keyakinan rakyat terhadap kenyataan-kenyataan pemimpin yang menyeleweng akan dikenakan juga tindakan, akan tetap dikaitkan dengan "cakap tak sama bikin".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pelajaran. Bahawa peratus kegagalan yang tinggi murid-murid yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 1977 tidak mencerminkan bahawa DEB (Dasar Ekonomi Baru) sangat menitikberatkan pelajaran itu kepada kaum bumiputra khususnya kerana :

- (1) Majority yang mengambil SPM adalah terdiri dari sekolah-sekolah aliran kebangsaan yang majoritinya terdiri dari kaum bumiputra, yang majoritinya tinggal di luar bandar dan majoritinya terdiri dari golongan yang miskin.
- (2) Walaupun telah berkali-kali dinyatakan setiap tahun bahawa Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan memperbaiki persekolahan-persekolahan di luar bandar tetapi jelas kepada kita keputusan SPM tahun 1977 tidak langsung menampakkan sebarang tindakan pada setiap langkah positif yang telah diambil. Kalau betul-betul telah diambil maka ia cumalah tindakan melepaskan

batuk di tangga sahaja dan ia tahu tidak kerana positif yang akan wujud darinya bagi persekolahan kaum bumi-putra.

Saya beralih kepada soal pembangunan di luar bandar iaitu soal pembukaan tanah yang membuka peluang pekerjaan baru di sektor pertanian yang mana bukanlah satu perkara baru walaupun ditekankan kuat di bawah DEB (Dasar Ekonomi Baru) tetapi jelas sehingga hari ini petani-petani padi atau getah dan yang lain telah bertungkus lumus bekerja tetapi tetap di atas sekeping tanah yang tidak mendatangkan faedah ekonomi iaitu atas bidang tanah yang kecil sahaja. Begitu juga penghijrahan belia-belia luar bandar ke bandar pernah saya perkatakan di Dewan yang mulia ini pada masa-masa yang sudah, masih tetap berlaku dengan pesatnya sehinggakan sektor pertanian yang dikatakan telah dibuka bagi pekerjaan baru kepada gabungan ini tinggal seolah-olah penyedap kata sahaja. Implikasinya ialah bahawa pembukaan tanah yang dikatakan pesat di laksanakan di bawah DEB walaupun dilakukan tetapi telah tidak menyelesaikan masalah petani yang majoritinya masih mengusahakan tanah yang tidak mendatangkan faedah ekonomi. Begitu juga implikasinya bahawa memang tidak ada wujud peluang pekerjaan baru di sektor luar bandar. Maka sebab itulah penghijrahan ke bandar ini terus menerus berlaku meninggalkan sektor pertanian ini hanya diperniagakan oleh orang tua-tua sahaja.

Sekali lagi di dalam masalah ini tindakan demikian melibatkan juga apa yang saya katakan tadi, di dalam ungkapan "cakap tak sama bikin" yang membawa implikasi sekali lagi rakyat telah disesatkan. Begitu juga halnya apa yang dikatakan pembangunan prasarana di mana prasarana ini di luar bandar dan pihak swasta memainkan peranan yang lebih luas dan berkesan di bawah DEB (Dasar Ekonomi Baru) ini khasnya mengenai usaha meninggikan taraf hidup sosio-ekonomi penduduk luar bandar, apa yang telah dilakukan masih berbentuk sama sahaja sebagai yang kita anggapkan di atas tadi.

Sama juga halnya, Tuan Yang di-Pertua, rancangan Kerajaan di bawah DEB mendirikan rumah bagi keperluan golongan yang berpendapatan rendah. Sekali lagi kita katakan orang yang berpendapatan tinggi dan pertengahan sahaja terus-menerus mendapat

nikmat ini dan mereka yang tinggal di setinggan-setinggan akan terus-menerus hidup di kawasan setinggan sahaja dan akan terus disettinggankan.

Dalam soal setinggan ini suka saya menarik perhatian Dewan ini Kerajaan dapatlah hendaknya supaya mengatasi keadaan kawasan setinggan dapat diperbaiki dan diberi kemudahan. Walaupun pada praktikal banyak perkara dan ramai yang tidak menyukai perkara ini tetapi pentingnya kepada pembangunan dan kesedaran moral dan material ada sama berkaitan dengan setinggan ini. Maka kalau keadaan kawasan-kawasan setinggan ini tetap pincang dan tidak sama dengan kawasan yang bukan setinggan, maka akan pincanglah negara di masa depan kalau ini berlarutan berlaku. Dan hendaklah sama-sama difikirkan di luar bandar mereka menderita, susah dan miskin sampai ke bandar juga mereka menderita, susah dan sulit, maka pepatah telah mengemukakan dalam masalah ini; mereka lari dari mulut harimau maka masuk pulalah ke mulut buaya.

Oleh itu, adalah sangat-sangat diharapkan dasar pelaksanaan ekonomi baru ini janganlah dijadikan perbezaan seperti langit dan bumi, begitu jugalah janji-janji pelaksanaan serupa juga dengan kata-kata tadi akibatnya adalah sangat buruk kepada negara kita di masa akan datang.

Adalah dalam hal ini telah berlaku kesalahan-kesalahan menggunakan kuasa samasalah kita fikirkan dalam masalah perkara ini dengan jujur dan ikhlas tanpa mengirakan kepentingan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan penghargaan di atas kenyataan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan siasatan dan kajian ulama-ulama atas perjalanan Persaudaraan Nasrul Haq di mana perkara ini meragukan ramai rakyat di Malaysia ini lebih-lebih lagi rakyat yang beragama Islam, termasuk Ahli-ahli di Dewan ini. Kenyataan tegas diatas tidak berdasarkan Islam dan menyalahi akidah atau memesongkan akidah Islam. Oleh itu, Mufti-mufti yang diamanahkan oleh Kerajaan dan rakyat atas tanggungjawab mereka walaupun perkara ini bertentangan dengan kepentingan keadaan dan kedudukan sangatlah dihargai di atas jujur dan ikhlas kenyataan-kenyataan

yang dikeluarkan ataupun hendak dikeluarkan itu semoga dengan demikian biarlah kenyataan-kenyataan itu bersikap tegas. Keraguan supaya dapat dihilangkan demi untuk kesempurnaan dan kepercayaan agama Islam yang menjadi amalan seluruh umat Islam di negara ini.

Di dalam masalah penyelewengan pemimpin yang saya nyatakan juga tadi banyak yang telah menyinggung kesucian Islam di negara ini seperti yang tadi kita bahaskan di dalam soal jawab ialah masalah Freemason yang dihebohkan tempoh hari telah sunyi sepi walaupun Kerajaan pernah berjanji untuk menyasat dan membuat kajian dan untuk menyiarkan siasatan itu. Maka dalam masalah ini sampai hari ini reaksi itu tidak berkocak sedikit jua pun. Pergerakan menghancurkan dan melemahkan akidah-akidah dan perjuangan-perjuangan mendaulatkan Islam tetap ada walaupun dengan berubah corak melalui berbagai-bagai aspek yang tidak disedari.

Perkara ini hendaklah kita mengambil perhatian yang berat terhadap Kerajaan, terhadap badan-badan yang menjadi kepentingan dalam masalah ini. Saya harap sungguh-sungguh supaya kita mengambil inisiatif yang jujur dan ikhlas untuk mengatasi dan menyedari benda yang akan dimasuki ini dengan cara yang tidak disedari.

Dalam masalah dakwah juga dibincangkan dan diperkatakan di dalam Titah Ucapan ini di mana kita dapat kaitkan dengan masalah kedaulatan undang-undang ini, dakwah tetap menjadi perhatian kepada penentang-penentang Islam tetapi usaha mengatasinya tidak tegas dinyatakan. Wanita-wanita seperti kita lihat hari ini wanita-wanita yang memakai pakaian lingkup menutup aurat yang diistilahkan orang sekarang pakaian dakwah dan belia-belia yang memakai pakaian Islam menjadi cemuhan dan menjadi buah mulut kepada anti-Islam. Padahal pakaian itu, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat di mana kita tahu pakaian itu bukanlah pakaian dakwah. Adalah pakaian yang dipakai oleh wanita-wanita hari ini kita sungguh syukur

kehadrat Allah s.w.t. dimana sudah sampai masa, saat dan ketika mereka dapat memahami ajaran-ajaran Islam yang tersebut sehingga mereka sanggup memakai dan mengikut lunas-lunas ajaran hukum syarak yang ditentukan dan dihadapkan kepada wanita-wanita kita di hari ini, khasnya wanita-wanita Islam. Semua orang Islam tahu apa yang ditegahkan dan apa yang dilarang tetapi amat sayang sekali banyak orang menyukai yang ditegah dan dilarang. Walaupun demikian tidak juga dinafikan kebanyakan ada yang taat dan patuh terhadap ajaran tersebut.

Diakhir ini dizaman dakwah berkembang kedapatan wanita-wanita dan belia-belia apabila ditemuduga berbagai perkara dengan memakai pakaian dakwah telah dicemuh dan diejek-ejek. Saya rasa demikian adalah tidak wajar. Apakah kalau ada orang yang mahu taat kepada agama maka ada pula golongan yang ingin memperkecilkan ketaatan mereka kepada ajaran Agama Islam yang kita tahu hari ini mendaulatkan agama Islam dan Agama Islam adalah agama negara. Perkara sedemikian tidak semestinya ada kepada kita dan golongan-golongan kita sendiri bahkan alu-aluan dan galakan patutlah diberikan. Maka di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan akhir-akhir ini tragedi di negara kita yang patut sama-sama kita fikir dan pandang berat dalam masalah ini dimana akan dilanda walaupun tidak seberat bahu memikul tetapi kita tahu akibatnya nanti berturut-turut datang dan terpaksa kita sama-sama memikul perkara ini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, bolehlah menyambung pada hari Isnin.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempuhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 24hb April, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.